RISALAH
ILMU PERUBATAN

API *ANGIN*

AIR *TANAH*

Sebuah integrasi antara Perubatan Moden dan Perubatan Ibnu Sina.



NASIR SOBRI

RISALAH
ILMU PERUBATAN

"Dan apabila aku sakit, maka Dia-lah yang menyembuhkan aku."

(26 : 80)

NASIR SOBRI

RISALAH ILMU PERUBATAN

Cetakan Pertama 2012 (Mesir)

Penulis	: Muhammad Nasiruddin Bin Mohd Sobri
Pembaca Pruf	: Abdur Rahman Bin Shafiee
	: Nurussakinah Binti Roslan
	: Rabia'tul Adawiyah Binti Sulaiman
Blog	: teratakintelek.blogspot.com
Facebook	: Nasir Sobri
No. Tel.	: +6 013-218 1421

KANDUNGAN

PENGHARGAAN

بسم الله الرحمن الرحيم

Alhamdulillah, segala puji hanya bagi Allah Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam buat Junjungan Besar Baginda Nabi Muhammad SAW, serta ahli keluarganya dan para sahabat Baginda.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan kehendak dan izin-Nya, dapat saya siapkan risalah ini berbekalkan ilmu dan tenaga yang sudah tentu bukan milik saya, tetapi daripada Allah sepenuhnya. Semoga Allah mengurniakan kesejahteraan, kemuliaan dan kebahagiaan buat Nabi Muhammad SAW kerana dengan kehendak Allah, Baginda menjadi wasilah bagi nikmat Iman dan Islam yang saya miliki sekarang ini. Tidak dilupakan juga kepada para sahabat, tabi'in, tabi'ut tabi'in dan para 'ulama yang meneruskan kesinambungan dakwah Baginda, semoga semuanya beroleh kebahagiaan di dunia dan di akhirat, insyaAllah.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih buat ibu dan bapa yang menjadi *asbab* bagi kewujudan saya di dunia ini, juga menjadi pendorong semangat dan pemberi motivasi kepada saya untuk terus melakukan yang terbaik di dunia ini berlandaskan agama, semoga Allah mengampunkan segala dosa mereka dan merahmati mereka sepertimana mereka memelihara dan mendidik anak-anak mereka.

Seterusnya saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tuan Haji Ismail Bin Haji Ahmad khususnya dan seluruh warga HPA umumnya kerana menaja pengajian saya di Bumi Anbia' yang penuh barakah ini. Semoga HPA terus maju dalam melaksanakan misi *"Ke Arah Merealisasikan Tibbun Nabawi"*, mudah-mudahan di akhirat nanti ia menjadi punca syafaat yang besar daripada Nabi Muhammad SAW buat umatnya yang cuba menghidupkan kembali sunnah Baginda serta menyebarkannya kepada seluruh umat manusia. Sesungguhnya Baginda merupakan rahmat bagi sekalian alam.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ustaz Abdul Hadi Bin Mad Isa dan Ustaz Sabri Bin Yamin kerana pernah meminta saya menulis secara ringkas mengenai ilmu perubatan. Idea dan cadangan itu merupakan salah satu punca yang membuatkan saya tergerak untuk menghasilkan risalah ini. Mungkin ketika itu saya belum bersedia, sekarang terimalah tulisan ringkas ini seadanya, moga ia memenuhi kehendak dan permintaan ustaz berdua.

Akhir kata, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada sesiapa sahaja yang terlibat dalam membantu saya sepanjang menyiapkan risalah ini, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Hanya Allah yang mampu membalas jasa baik anda semua. Doakan agar saya sentiasa diberi taufik dan hidayah untuk meneruskan usaha penyusunan ilmu perubatan yang berlandaskan syari'atullah dan sunnatullah, insyaAllah.

MUHAMMAD NASIRUDDIN BIN MOHD SOBRI
23 Muharram 1434, Jumaat (7 Disember 2012),
Hayyu 'Asyir, Kaherah, Mesir.

MUQADDIMAH

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين. ربنا اشرح لنا صدورنا ويسر لنا أمورنا واحلل عقد من ألسنتنا يفقهوا أقوالنا. سبحانك لا علم لنا إلا ما علمتنا إنك أنت العليم الحكيم. ربنا زدنا علما نافعا وارزقنا فهما واسعا وذكرنا منهما ما نسينا وعلمنا منهما ما جهلنا.

Buku ini saya namakan “Risalah Ilmu Perubatan”. Risalah ini merupakan sebuah integrasi antara Perubatan Ibnu Sina dan Perubatan Moden. Risalah ini bukanlah satu huraian mendalam mengenai segala perkara yang berkait dengan bidang perubatan, tetapi ia merupakan tulisan yang ringkas. Ia belum cukup untuk menjadikan seseorang pembaca sebagai perawat, tetapi untuk memberikan gambaran awal bidang ini. Namun, perbincangan dalam risalah ini mungkin berbeza dengan apa yang biasa dipelajari oleh kebanyakan orang mengenai ilmu perubatan.

Risalah ini saya tujukan buat mereka yang tidak mempelajari Perubatan Moden secara formal kerana risalah ini mengandungi asas-asas penting ilmu perubatan yang ditulis secara ringkas, dengannya mereka dapat mengetahui gambaran perbincangan bidang perubatan secara menyeluruh.

Saya tujukan juga kepada mereka yang mempelajari Perubatan Moden secara formal kerana risalah ini cuba menjelaskan prinsip-prinsip asas ilmu perubatan dengan konsep yang holistik dan sistematik berpandukan penulisan tokoh-tokoh perubatan Islam yang terdahulu seperti Ibnu Sina, Ar-Razi dan Ibnun Nafis.

Selain itu, saya persembahkan risalah ini buat mereka yang mempelajari ilmu perubatan dengan penuh minat serta sentiasa berfikir dalam usaha memantapkan ilmu mereka, bukan mereka yang hanya menghafal buta untuk peperiksaan, pantang dikritik, menolak pembaharuan yang bersifat membaikpulih ataupun tidak berani mencuba sesuatu yang baru untuk mendapatkan yang terbaik. Semoga ia menjadi titik permulaan bagi penilaian dan pengkajian semula terhadap apa yang sedia ada, seterusnya dapat menghasilkan

sesuatu yang terbaik tanpa mengabaikan aspek rohani dalam perawatan, bahkan menjadikan kesihatan rohani sebagai keutamaan yang paling tinggi.

Perubatan Ibnu Sina lebih dikenali sebagai Perubatan Yunani *(Unani Medicine),* ia dikenali juga dengan beberapa nama lain seperti Perubatan Greek, Perubatan Arab dan Perubatan Greek-Arab. Ia diasaskan secara rasmi oleh Bapa Perubatan iaitu Hippocrates yang berasal daripada Yunani. Beliau meletakkan asas-asas penting ilmu perubatan dan hasil karya beliau diamalkan oleh masyarakat Yunani ketika itu.

Penulisan Hippocrates menjadi rujukan penting dalam ilmu perubatan, namun tidak ramai yang mengembangkan atau menilai kembali apa yang telah dihasilkan sekian lama. Setelah tempoh yang agak panjang selepas kematian Hippocrates, muncul seorang lagi yang berbangsa Yunani yang melakukan penambahan dan pembaharuan dalam Perubatan Yunani. Orang yang dimaksudkan ialah Galen. Galen menulis pelbagai buku dalam pelbagai tajuk ilmu perubatan.

Ilmu ini seterusnya berpindah ke tangan bangsa Arab iaitu setelah proses penterjemahan karya-karya para pemikir Yunani dilakukan oleh beberapa tokoh berbangsa Arab. Selain ilmu perubatan, pelbagai karya dalam bidang lain turut diterjemahkan seperti ilmu logik, metafizik, matematik, biologi, astronomi dan fizik. Hunain Ibnu Ishaq merupakan tokoh penting dalam proses penterjemahan ini, beliau menterjemahkan pelbagai karya milik Hippocrates dan Galen.

Tokoh yang terkenal pada tahap permulaan ilmu perubatan di tangan orang Islam ialah Abu Bakar Ar-Razi. Beliau menulis beberapa kitab seperti *Al-Mansuri Fit Tibb, Tibbul Fuqara'* dan *At-Tibb Ar-Ruhani,* namun kitabnya yang paling terkenal ialah *Al-Hawi Fit Tibb.* Tokoh penting seterusnya ialah Ali Ibnu Abbas Al-Ahwazi atau dikenali juga sebagai Al-Majusi. Kitab beliau yang terkenal ialah *Kamil As-Sina'ah At-Tibbiyyah.* Kitab beliau menjadi rujukan penting pada masa itu sehinggalah kemunculan Ibnu Sina dengan kitabnya yang sangat terkenal dan berpengaruh iaitu *Al-Qanun Fit Tibb.* Kitab ini menjadi rujukan yang sangat meluas ketika itu, bahkan ia turut digunakan oleh bangsa Eropah di universiti-universiti mereka selama ratusan tahun. Kehebatan kitab *Al-Qanun Fit Tibb* telah menyebabkan tiada penulis lain yang berjaya menjejaskan kedudukan kitab ini dalam masyarakat ketika itu.

Setelah tempoh yang agak lama barulah muncul seorang tokoh perubatan yang hebat iaitu Ibnun Nafis. Beliau meneruskan ilmu perubatan dengan disiplin yang diwarisi sejak dahulu, namun beliau

membuat kritikan dan pembetulan terhadap tulisan-tulisan terdahulu khususnya terhadap penulisan Galen dan Ibnu Sina. Hal ini boleh dilihat dengan jelas dalam penulisannya seperti *Al-Mujaz Fit Tibb* yang merupakan ringkasan bagi *Al-Qanun Fit Tibb* dan juga *Syarhu Tasyrih Al-Qanun* yang merupakan syarah kepada bahagian anatomi dalam kitab *Al-Qanun Fit Tibb.* Beliau membuat pelbagai penemuan dalam anatomi, antaranya ialah penemuan aliran darah pulmonari *(pulmonary circulation)* dan juga salur arteri koronari yang menjadi sumber nutrien bagi jantung. Sekiranya beliau sempat menghabiskan karya beliau yang bertajuk *Asy-Syamil Fi As-Sina'ah At-Tibbiyyah,* mungkin karya itu menjadi satu karya perubatan yang bertahap ensiklopedia dan yang paling besar yang pernah ditulis pada zaman itu. Hal ini dapat dilihat pada senarai kandungan kitab tersebut yang ditulis oleh Ibnun Nafis sendiri. As-Subki menyatakan di dalam kitabnya *At-Thabaqat Asy-Syafi'iyyah Al-Kubra* bahawa sekiranya kitab itu siap ditulis, nescaya ia menjadi 300 jilid. Tetapi jumlah yang sempat disiapkan hanyalah 80 jilid.

Sumbangan umat Islam dalam bidang perubatan secara rasmi boleh dikatakan terhenti setakat itu sahaja. Tiada tokoh-tokoh lain yang muncul seperti tokoh-tokoh terdahulu, selepas itu penulisan ilmu perubatan banyak melibatkan ringkasan dan syarahan kepada kitab-kitab yang telah ditulis oleh generasi terdahulu.

Dunia barat ketika itu sudah berjaya meninggalkan zaman gelap mereka, mereka memulakan pengkajian sendiri dan memulakan sistem baru yang dikenali sebagai Perubatan Moden atau Perubatan Konvensional. Walau bagaimanapun, tidak terlalu banyak perbezaan antara Perubatan Yunani dengan Perubatan Moden kerana hampir semua asas Perubatan Moden diambil daripada Perubatan Yunani. Contohnya adalah seperti penggunaan istilah-istilah dalam perubatan dan juga konsep "pertanganan" khususnya pembedahan. Abul Qasim Az-Zahrawi memainkan peranan yang sangat penting dalam bidang pembedahan, karya beliau yang bertajuk *At-Tasrif* bahagian *Al-Jirahah* boleh dikatakan sebagai dasar bagi bidang pembedahan yang wujud sekarang ini. Perkara baru dalam Perubatan Moden melibatkan penemuan organisma kecil seperti bakteria, ia mengubah persepsi mereka selama ini mengenai konsep punca penyakit yang menyebabkan mereka lebih tertumpu untuk menyerang organisma-organisma ini dengan pelbagai cara seperti penggunaan antibiotik, mereka tidak lagi memfokuskan kepada penjagaan kesihatan yang merupakan kunci sebenar bagi kesihatan yang optimum, khususnya penjagaan makan dan minum. Selain itu, Perubatan Moden juga menggunakan konsep kimia moden menggantikan konsep *arkan* dan *mizaj* dalam Perubatan Yunani.

Dalam beberapa perkara, Perubatan Yunani mempunyai persamaan dengan sistem-sistem perubatan tradisional yang lain seperti Perubatan Tradisional Cina dan Perubatan Ayurveda. Prinsip-prinsip Perubatan Yunani turut mewarnai Perubatan Tradisional Melayu, hal ini dapat dilihat dalam karya Perubatan Tradisional Melayu seperti kitab Ilmu Tabib. Konsep dalam Perubatan Yunani seperti *arkan, akhlat* dan *mizaj* boleh dilihat dengan jelas dalam kitab tersebut. Mungkin pengaruh Perubatan Yunani ini dibawa oleh para pendakwah yang datang dari dunia Arab ke dunia Melayu di samping menyampaikan ajaran Islam kepada penduduk di kepulauan Melayu.

Kini, Perubatan Yunani dikatakan masih diamalkan di India dan Pakistan. Di sana Perubatan Yunani mempunyai sistem pengajarannya yang tersendiri, ia diajarkan di universiti-universiti sebagai satu jurusan yang rasmi seperti Perubatan Moden juga. Namun, bagi saya ia belum mencukupi kerana pengajaran di sana tidak bersifat integrasi. Apa yang dimaksudkan dengan integrasi di sini ialah proses mengenal pasti maksud sebenar di sebalik konsep Perubatan Yunani lalu disepadankan secara tepat dengan ilmu sains semasa khususnya ilmu perubatan. Tetapi hal itu masih tidak dapat menjamin sebuah sistem yang sempurna kerana sains dan Perubatan Moden masih banyak kekurangannya, khususnya apabila melibatkan sikap dalam menghadapi sesuatu penyakit. Ada perkara yang benar secara realiti namun ditolak hanya kerana tidak ditemui mekanismenya yang jelas dan pasti. Mereka perlu sedar bahawa apa yang mereka yakini sekarang ini sebagai fakta mungkin akan berubah pada masa akan datang, begitulah juga perkara yang dianggap salah mungkin akan terbukti kebenarannya. Hal ini dapat dilihat dalam perkembangan sains semasa di mana banyak perkara yang telah dianggap sebagai fakta pada suatu masa dahulu adalah tidak benar dan tidak relevan lagi pada masa kini.

Risalah ini saya susun dalam tujuh bahagian yang sebelumnya didahului dengan pengenalan kepada disiplin Perubatan Yunani secara ringkas. Semoga risalah ini dapat memberikan gambaran umum mengenai Perubatan Yunani dan Perubatan Moden kepada para pembaca sekalian. Sebaik-baiknya risalah ini dibaca daripada awal kerana kebanyakan istilah dan konsep yang digunakan pada tajuk-tajuk yang akhir adalah berdasarkan apa yang telah dinyatakan dan dijelaskan dalam tajuk-tajuk yang awal. Wallahu'alam.

PENGENALAN PERUBATAN YUNANI

Secara umumnya, Perubatan Yunani disusun oleh kebanyakan penulis dengan menjadikan penulisan mereka tiga bahagian. Tiga bahagian yang dimaksudkan ialah;

1. Prinsip Umum
2. Senarai Ubatan
3. Penyakit Dan Rawatan

PRINSIP UMUM : Bahagian prinsip umum membincangkan asas-asas penting bagi Perubatan Yunani. Ia dikenali juga sebagai *al-kulliyyat.* Ia mesti dikuasai dengan baik sebelum seseorang itu memasuki bahagian-bahagian lain. Ia terbahagi kepada dua iaitu;

1. Teori
2. Amali

TEORI : Tajuk teori mengandungi empat perbincangan iaitu;

1. Perkara Tabi'i
2. Penyakit
3. Punca
4. Tanda

PERKARA TABI'I : Tajuk perkara tabi'i membincangkan perkara-perkara dasar bagi manusia yang berada dalam keadaan normal dan sihat. Ia melibatkan perbincangan mengenai tujuh perkara iaitu;

1. Arkan (أركان)
2. Mizaj (مزاج)
3. Akhlat (أخلاط)
4. A'dha' (أعضاء)
5. Ruh (روح)
6. Quwa (قوى)
7. Af'al (أفعال)

Arkan boleh diterjemahkan sebagai unsur, unsur ialah jirim terkecil yang wujud di alam dunia dan tidak boleh dipecahkan lagi. Terdapat empat jenis unsur iaitu api, angin, air dan tanah. Unsur api bersifat panas dan kering, unsur angin bersifat panas dan basah, unsur air bersifat sejuk dan basah, unsur tanah bersifat sejuk dan kering.

Mizaj boleh diterjemahkan sebagai sifat, mizaj ialah sifat yang wujud pada struktur yang terhasil daripada gabungan unsur-unsur. Terdapat sembilan jenis mizaj iaitu panas, sejuk, basah, kering, panas dan kering, panas dan basah, sejuk dan basah, sejuk dan kering, seimbang.

Akhlat boleh diterjemahkan sebagai humor, humor ialah cecair tubuh. Terdapat empat jenis humor yang utama iaitu dam, balgham, safra' dan sauda'. Dam bersifat panas dan basah, balgham bersifat sejuk dan basah, safra' bersifat panas dan kering, sauda' bersifat sejuk dan kering.

A'dha' boleh diterjemahkan sebagai organ, a'dha' ialah struktur yang terhasil daripada akhlat. Terdapat dua jenis a'dha' yang utama iaitu *a'dha' mufradah* (organ tunggal) dan *a'dha' murakkabah* (organ kompleks). Organ tunggal dalam Perubatan Yunani bermaksud struktur yang sama jenis, ia merujuk kepada istilah tisu dalam Perubatan Moden seperti tisu otot, tisu adipos, tisu tulang dan tisu rawan. Organ kompleks pula merujuk kepada campuran beberapa organ tunggal iaitu apa yang difahami sebagai organ dalam Perubatan Moden seperti jantung, hati, mata, peparu dan usus.

Ruh menurut konteks sains semasa boleh diterjemahkan sebagai oksigen. Ruh ialah bahan halus yang wujud pada *nasim* (udara) di sekeliling manusia. Ia memberi tenaga dan kekuatan kepada manusia. Apabila ruh telah digunakan, ia perlu dibuang dan diganti dengan udara yang baru. Dalam risalah ini saya menggunakan istilah oksigen bukan ruh. Adapun istilah "roh" dalam risalah ini merujuk kepada jiwa manusia.

Quwa atau quwwah boleh diterjemahkan sebagai tenaga atau kekuatan. Quwwah ialah potensi atau kemampuan yang mengawal segala proses tubuh. Terdapat tiga jenis quwwah iaitu quwwah nafsaniyyah, quwwah haiwaniyyah dan quwwah tabi'iyyah.

Af'al boleh diterjemahkan sebagai fungsi, fungsi ialah proses yang dilakukan oleh quwwah melalui perantaraan a'dha' (organ). Ada fungsi yang hanya melibatkan satu quwwah seperti penghadaman yang menggunakan quwwah tabi'iyyah, ada juga fungsi yang melibatkan lebih daripada satu quwwah seperti rasa lapar yang menggunakan quwwah tabi'iyyah dan quwwah nafsaniyyah.

PENYAKIT : Tajuk penyakit membincangkan asas bagi perkara-perkara yang tidak normal bagi seseorang manusia. Terdapat dua jenis penyakit iaitu penyakit tunggal dan penyakit kompleks. Terdapat tiga jenis penyakit tunggal iaitu;

1. Ketidakseimbangan Mizaj
2. Masalah Keadaan Organ
3. Peleraian Struktur

Penyakit kompleks pula terhasil daripada gabungan penyakit-penyakit tunggal seperti bengkak.

PUNCA : Punca ialah perkara yang boleh mendatangkan kesihatan atau penyakit kepada manusia. Terdapat enam jenis punca yang utama iaitu;

1. Udara Yang Mengelilingi
2. Makan Dan Minum
3. Gerak Dan Diam Tubuh
4. Gerak Dan Diam Perasaan
5. Tidur Dan Jaga
6. Pengosongan

TANDA : Tanda ialah perkara yang boleh menunjukkan keadaan seseorang sama ada sihat atau sakit. Terdapat empat tanda yang utama dalam Perubatan Yunani iaitu;

1. Tanda Mizaj
2. Palpasi Nadi
3. Pemerhatian Urin
4. Pemerhatian Tinja

AMALI : Tajuk amali terbahagi kepada dua iaitu;

1. Penjagaan Kesihatan
2. Perawatan Penyakit

PENJAGAAN KESIHATAN : Penjagaan kesihatan ialah usaha memelihara kesihatan yang wujud dengan menggunakan konsep penyamaan melalui pengurusan dan pemanipulasian terhadap enam punca yang telah dinyatakan.

PERAWATAN PENYAKIT : Perawatan penyakit ialah usaha menghilangkan penyakit yang menimpa dengan menggunakan konsep pertentangan melalui tiga perkara iaitu;

1. Pengurusan *(management).*
2. Pengubatan *(medication).*
3. Pertanganan *(regimentation).*

Pengurusan ialah perawatan dengan cara menguruskan keenam-enam punca yang telah dinyatakan. Pengubatan ialah perawatan dengan cara menggunakan bahan-bahan tertentu seperti tumbuhan, haiwan dan mineral. Pertanganan ialah rawatan yang menggunakan kemahiran tangan yang mungkin dibantu oleh beberapa alatan, contohnya adalah urutan, balutan, bekam dan pembedahan.

SENARAI UBATAN : Bahagian ini membincangkan tiga perkara utama iaitu;

1. Prinsip-prinsip asas mengenai ubatan.
2. Senarai ubatan tunggal *(adwiyah mufradah)*.
3. Senarai ubatan kompleks *(adwiyah murakkabah)*.

Prinsip-prinsip asas mengenai ubatan melibatkan perbincangan mengenai jenis ubatan, sifat ubatan, cara mengenali sifat ubatan dan juga jenis-jenis fungsi ubatan kepada tubuh manusia.

Senarai ubatan tunggal atau *adwiyah mufradah* melibatkan perbincangan mengenai jenis-jenis ubatan satu persatu secara spesifik berdasarkan jenisnya tanpa dicampur dengan bahan lain, tiga jenis ubatan yang utama ialah mineral, tumbuhan dan haiwan. Antara perkara yang dibincangkan ialah sifat ubatan, bahagian yang digunakan, cara menyediakan ubatan dan fungsi ubatan pada organ yang berbeza. Bidang ini dikenali juga sebagai *materia medica*.

Senarai ubatan kompleks atau *adwiyah murakkabah* merupakan perbincangan mengenai ubatan yang dihasilkan daripada campuran beberapa ubatan tunggal. Antara perkara yang dibincangkan ialah jenis bahan yang diperlukan untuk menghasilkan ubatan kompleks, cara menyediakannya dan fungsi ubatan kompleks tersebut kepada tubuh. Bidang ubatan kompleks dikenali juga sebagai *aqrabazin* atau *pharmacopoeia.*Salah satu ubatan kompleks yang terkenal dan banyak digunakan dalam Perubatan Yunani ialah *sakanjabin (oxymel)* iaitu campuran madu dan cuka. Ia dianggap sebagai penawar bagi segala penyakit, panasea *(panacea)*.


PENYAKIT DAN RAWATAN : Bahagian ini membincangkan penyakit secara khusus beserta punca, tanda dan cara merawatnya. Ia terbahagi kepada dua iaitu;

1. Penyakit yang menimpa sesuatu organ secara khusus.
2. Penyakit yang tidak menimpa sesuatu organ secara khusus.

Penyakit yang menimpa sesuatu organ secara khusus ialah penyakit yang boleh berlaku pada sesuatu organ tanpa melibatkan

organ lain. Contohnya ialah hepatitis dan gastritis. Penyakit yang tidak menimpa sesuatu organ secara khusus ialah penyakit yang melibatkan hampir kesemua organ. Contohnya ialah demam yang menyebabkan peningkatan suhu pada seluruh tubuh.

Konsep penyakit khusus dan tidak khusus ini boleh dikaitkan dengan Perubatan Moden melalui konsep penyakit setempat *(local diseases)* dan penyakit sistemik *(systemic diseases).* Perbincangan mengenai penyakit setempat dan penyakit sistemik melibatkan puncanya, tandanya dan juga cara merawat penyakit tersebut. Inilah dia kaedah dan bentuk penulisan Perubatan Yunani yang digunakan oleh kebanyakan penulis dalam bidang ini. Wallahu'alam.



Perubatan Yunani
Prinsip Umum
Teori
Sihat
Arkan
Mizaj
Akhlat
A'dha'
Ruh
Quwa
Af'al
Sakit
Penyakit Tunggal
Penyakit Kompleks
Punca
Persekitaran
Diet
Pergerakan
Perasaan
Kesedaran
Pengosongan
Tanda
Tanda Mizaj
Palpasi Nadi
Pemerhatian Urin
Pemerhatian Tinja
Amali
Penjagaan Kesihatan
Perawatan Penyakit
Pengurusan
Pengubatan
Pertanganan
Ubatan
Prinsip
Ubatan Tunggal
Ubatan Kompleks
Penyakit Dan Rawatan
Penyakit Setempat
Penyakit Sistemik

BAHAGIAN DUA : KEADAAN SIHAT

Bahagian dua risalah ini merupakan perbincangan mengenai tajuk pertama daripada empat tajuk ilmu perubatan bahagian teori, iaitu perbincangan mengenai keadaan sihat. Ia melibatkan dua bab iaitu;

Bab 1 : Struktur
Bab 2 : Fungsi


BAB 1 : STRUKTUR

Manusia mempunyai dua jenis struktur iaitu struktur abstrak dan material. Struktur abstrak bagi manusia ialah roh dan mudabbir, manakala struktur material bagi manusia pula ada sepuluh jenis berdasarkan peringkat saiznya.

Struktur abstrak merupakan perkara yang wujud pada manusia, tetapi ia tidak boleh dicapai melalui pancaindera. Walau bagaimanapun ia boleh dicapai oleh akal melalui kesan struktur abstrak terhadap struktur material kerana kesan tersebut boleh dicerap oleh pancaindera. Hubungan antara struktur abstrak dengan struktur material menghasilkan fungsi.

Perbincangan mengenai struktur dikenali juga sebagai morfologi. Pada kebiasaannya morfologi hanya melibatkan struktur yang bersifat material, struktur abstrak diabaikan, bahkan ada pihak yang menolak kewujudan roh atau perkara-perkara lain yang bersifat ghaib. Pemikiran sebegini adalah berbahaya dan boleh merosakkan iman kerana roh merupakan perkara ghaib yang wajib kita beriman dengannya. Perbincangan morfologi manusia yang melibatkan struktur abstrak akan menjadikan bidang perubatan lebih bermoral, berkesan dan holistik.

Pendekatan perawatan yang menggabungkan antara struktur abstrak dan material dikatakan lebih bermoral kerana roh merupakan sebahagian daripada manusia, bahkan roh lebih penting daripada jasad. Bagaimana seseorang itu dikatakan bermoral jika ia mengabaikan struktur yang paling penting bagi manusia. Ia dikatakan lebih berkesan kerana roh dapat memberi kesan kepada tubuh sebagaimana ubat memberi kesan, apabila kedua-duanya digabungkan maka berlakulah penggandaan perawatan atau sinergi sekaligus memudahkan kesembuhan, insyaAllah.



Bab ini melibatkan perbincangan mengenai struktur manusia dalam dua fasal iaitu;

Fasal 1 : Struktur Abstrak
Fasal 2 : Struktur Material

FASAL 1 : STRUKTUR ABSTRAK

Struktur abstrak bagi manusia ada dua dan kedua-duanya dibincangkan dalam dua maqalah iaitu;

Maqalah 1 : Roh
Maqalah 2 : Mudabbir

MAQALAH 1 : ROH

Roh yang dimaksudkan di sini ialah hakikat manusia yang sebenar yang dikenali juga sebagai jiwa dan hati. Ia merupakan sesuatu yang dimaksudkan apabila kita mengatakan “aku”, “aku” yang kita sebut merujuk kepada roh dan jiwa manusia itu sendiri, bukan yang lain. Dengan adanya roh, kita boleh mengawal pergerakan dengan kehendak kita sendiri *(voluntary).*

Apabila manusia dihina dan dikeji, maka yang terluka adalah roh atau jiwa, tubuh materialnya sedikit pun tidak disentuh. Roh mengawal otot skeletal khususnya otot pada rangka yang menghasilkan perbuatan, serta mengawal lidah yang menghasilkan ucapan. Secara mudahnya kita katakan bahawa tempat letak roh pada tubuh manusia ialah otak sedar (somatik), khususnya serebrum.

MAQALAH 2 : MUDABBIR

Adapun mudabbir pula bererti satu perkara abstrak yang mengawal organ dalaman manusia tanpa kesedaran oleh roh manusia, contohnya seperti kawalan jantung, usus, hati, ginjal dan limpa. Kawalannya bukanlah atas kehendak manusia *(involuntary).*

Ia bagaikan satu kekuatan lain bagi manusia untuk mengawal organ lain tanpa kesedaran, atau boleh juga kita katakan ia sebagai “roh kedua” bagi manusia, atau mungkin juga mudabbir dianggap sebagai kawan kepada roh manusia kerana ia membantu roh.

Secara mudahnya kita katakan bahawa tempat letak mudabbir pada tubuh manusia ialah otak tidak sedar (autonomik), khususnya hipotalamus. Roh dan mudabbir masing-masing mempunyai tiga jenis kekuatan.

KEKUATAN ROH

Roh yang merupakan hakikat manusia ini diberi tiga kekuatan penting yang membolehkan ia mampu melakukan dan menikmati pelbagai perkara, dan dengan kekuatan inilah ia akan

dipertanggungjawabkan atas apa yang telah ia lakukan dan nikmati. Makhluq Allah yang lain juga mempunyai kekuatan, namun tidak semuanya memiliki tiga kekuatan yang lengkap sepertimana manusia dan jin.

Tiga kekuatan tersebut berasal daripada dua kurniaan Allah kepada manusia dan jin iaitu akal dan nafsu, tiga kekuatan tersebut ialah;

1. Quwwah Aqliyyah (akal).
2. Quwwah Ghadabiyyah (nafsu ghadab).
3. Quwwah Syahwaniyyah (nafsu syahwat).

Adapun makhluq Allah yang lain, mereka tidak mendapat ketiga-tiga kekuatan ini. Contohnya para malaikat dikurniakan akal tanpa dua nafsu, tumbuhan dikurniakan nafsu syahwaniyyah tanpa akal dan nafsu ghadabiyyah, haiwan pula dikurniakan nafsu ghadabiyyah dan nafsu syahwaniyyah tanpa akal.

Oleh itu, bersyukurlah dengan nikmat dan kurniaan Allah ini. Dengan nikmat akal, kita mampu menjadi lebih mulia daripada malaikat sekiranya kita melakukan kebaikan, tetapi jika kita melakukan kejahatan maka kita boleh menjadi lebih hina daripada haiwan.

QUWWAH AQLIYYAH : Ia dikenali juga sebagai *nafsaniyyah* dan *insaniyyah*. Ia berfungsi mengawal segala perkara yang bersifat sedar atau somatik melalui tiga jenis quwwah yang merupakan pecahannya iaitu;

1. Quwwah Qabilah
2. Quwwah ‘Amaliyyah
3. Quwwah Muharrikah

QUWWAH QABILAH : Quwwah qabilah ialah quwwah yang menerima sesuatu maklumat atau isyarat yang bersifat sedar, ia boleh juga disebut sebagai “sensori”. Maklumat itu boleh diperolehi melalui pancaindera yang ada pada manusia.

QUWWAH ‘AMALIYYAH : Quwwah ‘amaliyyah ialah quwwah yang memproses maklumat yang diterima daripada quwwah qabilah, boleh juga disebut sebagai “proses”. Ia melibatkan dua proses utama iaitu proses berfikir dan proses mengingati maklumat.

QUWWAH MUHARRIKAH : Quwwah muharrikah ialah quwwah yang memberi arahan daripada roh dan otak kepada organ yang

FASAL 2 : STRUKTUR MATERIAL

Struktur material bagi manusia boleh dicapai dengan pancaindera yang lima, jadi setiap struktur material boleh dilihat sama ada dengan mata kasar atau melalui alat bantuan seperti mikroskop.

Pembahagian struktur material adalah berdasarkan peringkat saiznya, bermula daripada yang paling kecil sehinggalah kepada yang paling besar iaitu manusia itu sendiri. Jumlah kesemua pembahagian struktur material ialah 10 peringkat, ia merangkumi pembahagian berdasarkan Perubatan Moden dan juga Perubatan Yunani. Kesemua peringkat struktur material akan dibincangkan dalam 10 maqalah;

Maqalah 1 : Unsur
Maqalah 2 : Partikel Elemen
Maqalah 3 : Atom
Maqalah 4 : Molekul
Maqalah 5 : Organel
Maqalah 6 : Sel
Maqalah 7 : Tisu
Maqalah 8 : Organ
Maqalah 9 : Sistem
Maqalah 10 : Manusia


Tajuk unsur dan partikel elemen mempunyai perbincangannya yang khusus, ia melibatkan asas-asas Perubatan Yunani dan juga Fizik Kuantum. Tajuk atom dan molekul melibatkan Biokimia. Organel, sel dan tisu melibatkan Histologi. Organ, sistem dan manusia melibatkan Anatomi.

MAQALAH 1 : UNSUR

Unsur atau arkan merupakan struktur paling kecil di alam dunia ini. Ia tidak boleh dibahagikan atau dipecahkan lagi kepada bahagian atau juzuk yang lebih kecil. Walaupun ada pihak yang mengatakan bahawa partikel elemen *(elementary particle)* seperti kuark, lepton dan boson merupakan struktur yang paling kecil, saya merasakan bahawa partikel-partikel tersebut akan berjaya dipecahkan kepada struktur yang lebih kecil.

Saintis terdahulu menyatakan bahawa atom merupakan struktur terkecil, namun hari ini perkara tersebut terbukti salah, menyatakan partikel elemen sebagai struktur paling kecil merupakan satu kesimpulan yang agak melulu.

Sains moden belum menemui unsur, boleh jadi terdapat berpuluh-puluh atau beratus-ratus peringkat lagi selepas partikel elemen sebelum saintis berjaya menemui arkan atau unsur ini, atau mungkin juga unsur ini akan terus menjadi misteri dan tidak ditemui oleh sesiapapun, hanya mampu dibincangkan secara konsep tanpa dibuktikan secara empirik.



JENIS UNSUR

Terdapat empat jenis unsur yang menjadi asas bagi segala struktur lain yang lebih besar, penggabungan dan kepelbagaian jumlah keempat-empat unsur ini menghasilkan pelbagai struktur yang lebih besar dan saling berbeza. Empat unsur tersebut ialah unsur tanah, air, angin dan api.

UNSUR TANAH : Unsur tanah merupakan unsur yang berada di tengah-tengah atau bulatan pertama. Ia bersifat sejuk dan kering.


UNSUR AIR : Unsur air merupakan unsur yang berada pada bulatan kedua iaitu di antara unsur bumi dan angin. Ia bersifat sejuk dan basah.

UNSUR ANGIN : Unsur angin merupakan unsur yang berada pada bulatan ketiga iaitu di antara unsur air dan api. Ia bersifat panas dan basah.

UNSUR API : Unsur api merupakan unsur yang berada pada bulatan keempat iaitu selepas unsur angin. Ia bersifat panas dan kering.

Setiap unsur ini mempunyai kedudukannya yang tersendiri pada bulatannya, sebarang perubahan kedudukannya yang disebabkan oleh tenaga daripada luar akan menyebabkan unsur itu kembali ke tempat asalnya menurut susunan berat bagi setiap unsur. Susunan berat bagi unsur-unsur mengikut tertib paling ringan dimulakan dengan unsur api, kemudian unsur angin, unsur air dan akhirnya unsur tanah sebagai unsur paling berat.

Dua unsur yang paling ringan iaitu unsur api dan angin banyak membantu tubuh untuk tujuan pembinaan *ruh*, pergerakannya dan pergerakan organ, manakala dua unsur yang paling berat iaitu unsur tanah dan air banyak membantu tubuh untuk tujuan pembinaan organ dan kestabilannya.




UNSUR KELIMA

Selain daripada empat unsur yang telah disebutkan, terdapat konsep unsur yang kelima, iaitu satu unsur yang sangat seimbang dan tidak mengalami perubahan atau kemusnahan. Disebabkan keseimbangannya itu, ia tidak diambil kira secara khusus dalam Perubatan Yunani, sebaliknya ia dikaitkan dengan alam atau makhluq lain yang bersifat mulia dan tinggi. Unsur kelima ini lebih dikenali sebagai "aeter" *(aether).* Ia sering dikaitkan dengan kesempurnaan, roh dan semangat.

Dalam Perubatan Ayurveda *(Ayurvedic Medicine),* terdapat juga konsep lima unsur. Unsurnya adalah sama seperti unsur dalam Perubatan Yunani dan ditambah dengan unsur *akasha* (aeter) sebagai unsur yang kelima. Dalam Fizik Partikel, sifat keseimbangan ini sering dikaitkan dengan boson Higgs yang dikenali juga sebagai Partikel Tuhan *(God Particle),* boson ini dikatakan seimbang dan tiada caj iaitu neutral, walau bagaimanapun boson ini belum berjaya dibuktikan.

Suatu masa dahulu, misteri unsur kelima ini pernah juga dikaitkan dengan tenaga "orgon" *(orgone energy).* Sistem Perubatan Cina Tradisional *(Traditional Chinese Medicine)* juga menggunakan konsep lima unsur, tetapi ada sedikit perbezaan dengan konsep lima unsur dalam Perubatan Yunani atau Ayurveda, unsur-unsur tersebut ialah kayu, api, tanah, besi dan air.



1. Naik & Turun *(up & down)*
2. Pesona & Ganjil *(charm & strange)*
3. Atas & Bawah *(top & bottom)*

Setiap satu daripada enam kuark itu mempunyai anti partikel atau anti jirim masing-masing, iaitu partikel lain yang menyerupai kuark tersebut dengan caj elektrik yang berbeza. Terdapat tiga pasang lepton iaitu;


1. Elektron & Neutrino Elektron
2. Muon & Neutrino Muon
3. Tau & Neutrino Tau


Setiap satu daripada enam lepton itu mempunya anti partikel atau anti jirim masing-masing, iaitu partikel lain yang menyerupai lepton tersebut dengan caj elektrik yang berbeza.

Kesimpulannya, terdapat 24 partikel elemen, 12 terlibat dengan pembinaan nukleus, 12 lagi tidak terlibat. 12 yang terlibat pula terdiri daripada 6 kuark dan 6 anti kuark, manakala yang tidak terlibat pula terdiri daripada 6 lepton dan 6 anti lepton. Terdapat lagi satu perkara yang masih menjadi misteri sehingga kini, sama ada ia adalah jirim atau bukan. Perkara tersebut ialah cahaya. Ia sangat unik kerana adakalanya ia bersifat seperti jirim, adakalanya ia bersifat seperti gelombang yang sememangnya tiada jirim. Walau bagaimanapun, partikel cahaya telah dinamakan sebagai "foton".

Leptons spin = 1/2		
Flavor	Mass GeV/c^2	Electric charge
ν_e electron neutrino	$<1\times10^{-8}$	0
e electron	0.000511	–1
ν_μ muon neutrino	<0.0002	0
μ muon	0.106	–1
ν_τ tau neutrino	<0.02	0
τ tau	1.7771	–1

Quarks spin = 1/2		
Flavor	Approx. Mass GeV/c^2	Electric charge
u up	0.003	2/3
d down	0.006	–1/3
c charm	1.3	2/3
s strange	0.1	–1/3
t top	175	2/3
b bottom	4.3	–1/3


electron
<10^{-16}cm
proton
(neutron)
quark
<10^{-16}cm
nucleus
~10^{-12}cm
atom ~10^{-8} cm
~10^{-13}cm


Partikel Elemen
Kuark
Jirim
Anti Jirim
Naik & Turun
Pesona & Ganjil
Atas & Bawah
Lepton
Jirim
Anti Jirim
Elektron & Neutrino Elektron
Muon & Neutrino Muon
Tau & Neutrino Tau
Foton (Cahaya)

pH CHART

Alkaline pH

Consume Freely
Raw is Best

Most foods get more acidic when cooked

10

High Alkaline Ionized Water

Raw Spinach	Raw Brocolli	Artichokes
Brussel Sprouts	Red Cabbage	Raw Cellery
Cauliflower	Carrots	Potato Skins
Alfalfa Grass	Cucumbers	Collards
Seaweeds	Asparagus	Lemons & Limes

9.0

Olive Oil	Most Lettuce	Borage Oil
Raw Zucchini	Sweet Potato	Raw Peas
Sprouted Grains	Raw Eggplant	Alfalfa Sprouts
Raw Green Beans	Blueberries	Pears
Mangoes	Papayas	Figs & Dates
Tangerines	Melons	Kiwi
Grapes		

8.0

Apples	Almonds	Avocados
Tomatoes	Fresh Corn	Mushrooms
Turnip	Olives	Soybeans
Bell Peppers	Radish	Rhubarb
Pineapple	Cherries	Millet
Wild Rice	Strawberries	Apricots
Canteloupe	Honeydew	Peaches
Oranges	Grapefruit	Bananas

Neutral pH

Optimum pH for HUMAN BLOOD

7.0

Most Tap Water

Municipalities adjust tap water to be +/- 7.0
Optimum pH for HUMAN BLOOD is 7.365

Butter, fresh, unsalt
Cream, fresh, raw
Milk, raw cow's
Margarine
Oils, except Olive

Acidic pH

It takes 20 parts of ALKALINITY to neutralize 1 part ACIDITY in the body

Consume sparingly or never

6.0

Milk, Yogurt	Fruit Juices	Cooked Spinach
Most Grains	Soy Milk, Goat's Milk	Coconut
Eggs	Fish	Tea
Kidney Beans	Lima Beans	Plums
Processed Juices	Rye Bread	Spelt
Brown Rice	Cocoa	Rice & Almond Mill
Sprouted Wheat Bread	Oats	Liver
Oysters	Cold Water Fish	Salmon, Tuna

5.0

Cooked Beans	Chicken & Turkey	Beer
Sugar	Canned Fruit	White Rice
Potatoes w/o Skins	Pinto Beans	Navy Beans
Garbanzos	Lentils	Black Beans
Butter, salted	Rice Cakes	Cooked Corn
Wheat Bran	Rhubarb	Molasses


4.0

Reverse Osmosis Water	**Distilled & Purified Water**	**Most Bottled Water & Sports Drinks**
Coffee	White Bread	Blackberries
Pistachios	Beef	Sweetened Fruit Juices
Cranberries	Prunes	Tomato Sauce
Wheat	Most Nuts	
Popcorn	Peanuts	

3.0

Lamb	Pork	Wine
Shellfish	Pastries	Cheese
Goat Cheese	Soda	Black Tea
Pasta	Pickles	Stress
Worry	Lack of Sleep	Overwork
Tobacco Smoke	Chocolate	Vinegar
Sweet'N Low	Equal	Aspartame
NutraSweet	Processed Food	Microwaved Foods

2.3




FUNGSI NUTRIEN

Secara umumnya, fungsi nutrien boleh dibahagikan kepada dua iaitu;

1. Penghasilan tenaga dalam bentuk ATP.
2. Pembinaan struktur material tubuh.

Penghasilan tenaga melibatkan karbohidrat sebagai sumber utama, manakala lipid dan protein merupakan sumber sampingan. Pembinaan struktur material tubuh pula melibatkan semua jenis nutrien, semua nutrien boleh bergabung dengan nutrien jenis lain untuk menghasilkan struktur yang diperlukan oleh tubuh. Karbohidrat boleh bergabung dengan protein, protein boleh bergabung dengan lipid dan begitulah seterusnya.

Apabila sudah terhasil tenaga dan struktur material, maka tubuh manusia sudah bersedia untuk melakukan fungsi setelah mendapat arahan daripada struktur abstrak. Fungsi yang terhasil itu dinamakan proses atau fisiologi.



KETOKSIKAN

Sebahagian orang mengatakan bahawa wujud nutrien, ubat dan racun, setiap satu adalah berbeza. Bagi saya, istilah ketoksikan atau bahayanya sesuatu bahan adalah bersifat relatif dan subjektif. Tiada pengkelasan yang khusus untuk menentukan bahawa sesuatu bahan itu toksik atau tidak. Ini kerana setiap bahan yang masuk ke dalam tubuh kita berpotensi menjadi toksik dan berbahaya, termasuklah nutrien.

sebagai humor sekunder jenis pertama iaitu humor sekunder lebihan. Terdapat empat jenis humor primer iaitu;

1. Dam *(*darah / *blood).*
2. Balgham *(*kahak / *phlegm).*
3. Safra *(*hempedu *kuning / yellow bile).*
4. Sauda' *(*hempedu *hitam / black bile).*

DAM : Dam diterjemahkan sebagai darah, namun maksudnya menurut Perubatan Yunani bukanlah seperti maksud darah yang kita biasa fahami. Ia merupakan suatu bahan tertentu dan mempunyai fungsi tertentu. Cecair yang berada di dalam salur darah bukanlah dam semuanya, bahkan keempat-empat humor itu boleh berada di dalam salur darah. Jadi kita perlu jelas bahawa dam merupakan suatu bahan yang khusus, begitulah juga dengan humor-humor yang lain.

Dam mewakili unsur angin, ia bersifat panas dan basah, merupakan sebaik-baik humor. Fungsinya ialah membawa *ruh* (oksigen) ke seluruh tubuh. Dalam teks Perubatan Yunani, istilah *ruh* digunakan untuk menggambarkan suatu bahan halus yang ada pada udara *(nasim)* yang disedut, ia membuatkan manusia mempunyai tenaga untuk hidup, jadi istilah ruh itu sesuai digantikan dengan istilah oksigen. Dam juga memberi nutrien tenaga ke seluruh tubuh dan juga nutrien pembinaan kepada organ-organ tertentu. Lokasi utama dam ialah di dalam salur darah.


BALGHAM : Balgham mewakili unsur air, ia bersifat sejuk dan basah. Balgham diterjemahkan sebagai kahak, namun ia tidaklah merujuk kepada makna kahak yang sering difahami, ia mempunyai konsepnya yang tersendiri berdasarkan Perubatan Yunani. Balgham boleh bertukar kepada dam apabila bekalan dam di dalam tubuh berkurangan. Ia juga berada pada organ-organ tertentu untuk melancarkan pergerakan dan melembutkan sesuatu organ. Balgham memberi nutrien pembinaan kepada organ-organ tertentu seperti otak. Lokasi utama balgham ialah di dalam salur darah, lemak tubuh dan ruangan organ tertentu seperti mata dan sendi.

SAFRA' : Safra' mewakili unsur api, ia bersifat panas dan kering. Safra' berfungsi sebagai pelembut struktur darah, memasuki salur usus untuk penghadaman dan memberi nutrien pembinaan untuk organ-organ tertentu seperti peparu. Lokasi utama safra' ialah di dalam salur darah dan pundi hempedu.

SAUDA' : Sauda' mewakili unsur tanah, ia bersifat sejuk dan kering. Sauda' berfungsi sebagai penebal struktur darah, memasuki salur usus untuk merangsang selera dan rasa lapar serta memberi nutrien

pembinaan kepada organ-organ tertentu seperti tulang. Sauda' jenis tidak tabi'i boleh terhasil daripada pembakaran humor lain secara berlebihan sehingga bertukar menjadi warna hitam, sauda' jenis ini sangat berbahaya kepada tubuh dan boleh mendatangkan pelbagai penyakit yang serius seperti kanser. Lokasi utama sauda' ialah di dalam salur darah dan limpa.

Istilah limpa dalam Perubatan Yunani boleh ditafsirkan sebagai limpa dan pankreas kerana penjelasan mengenai limpa dalam teks Perubatan Yunani menepati fungsi kedua-dua organ, bahkan kajian terbaru menunjukkan sel stem limpa boleh menghasilkan sel pankreas, jadi terdapat beberapa persamaan antara limpa dan pankreas dari sudut asal-usulnya.



HUMOR SEKUNDER : Humor sekunder ialah humor yang berasal daripada humor primer, cuma ia berbeza dari sudut lokasi dan kualiti. Terdapat dua jenis humor sekunder iaitu;

1. Humor Sekunder Lebihan
2. Humor Sekunder Bukan Lebihan

Semua sel yang membentuk manusia berasal daripada persenyawaan sperma dan ovum, ini bererti semua sel berasal daripada satu struktur pertama yang datang daripada ibu dan bapa. Struktur ini kemudian terus berkembang menghasilkan pelbagai struktur lain sehinggalah terbentuk seorang manusia. Terdapat tiga lapisan sel yang berada di dalam kandungan pada peringkat awal kehamilan iaitu;

1. Ektoderma
2. Mesoderma
3. Endoderma

EKTODERMA : Lapisan ektoderma ialah lapisan yang paling luar. Secara umumnya ia akan membentuk organ-organ aqliyyah. Sel-sel penting yang berasal daripada lapisan ektoderma ialah;

1. Sel Saraf
2. Sel Integumentari (kulit, kuku, bulu)
3. Sel Organ Deria Khusus (mata, telinga)
4. Sel Endokrin
5. Sel Pigmen

MESODERMA : Lapisan Mesoderma ialah lapisan yang pertengahan. Secara umumnya ia akan membentuk organ-organ ghadabiyyah. Sel-sel penting yang berasal daripada lapisan mesoderma ialah;

1. Sel Otot Skeletal
2. Sel Otot Kardium
3. Sel Limpa
4. Sel Ginjal
5. Sel Sumsum

Sel sumsum ada lima jenis iaitu;

1. Sel Endotelium
2. Sel Mesotelium
3. Sel Otot Lembut
4. Sel Tisu Penghubung
5. Sel Hematopoeitik

Sel tisu penghubung ada empat iaitu;

1. Sel Tulang
2. Sel Rawan
3. Sel Fiber
4. Sel Lemak

Sel hematopoeitik ada dua kumpulan iaitu;


1. Sel Mieloid. Ia menghasilkan sel darah merah, platlet, neutrofil, basofil, eosinofil, dendritik dan sel masta *(mast cell).*

2. Sel Limfoid. Ia menghasilkan sel limfosit T, limfosit B dan sel pembunuh semula jadi *(natural killer cell).*

ENDODERMA : Lapisan endoderma ialah lapisan yang paling dalam. Secara umumnya ia akan membentuk organ-organ syahwaniyyah. Sel-sel penting yang berasal daripada lapisan endoderma ialah;

1. Sel Saluran Alimentari (pencernaan)
2. Sel Hati dan Pundi Hempedu
3. Sel Pankreas
4. Sel Saluran Respiratori (pernafasan)
5. Sel Pundi Kencing
6. Sel Benih (sperma dan ovum)

Dalam pembentukan sesuatu organ, kebanyakannya bercampur dengan sel-sel daripada lapisan lain, bahkan ada organ milik quwwah lain dihasilkan oleh lapisan lain. Ini menunjukkan kerjasama dan hubungan antara ketiga-tiga quwwah. Sebagai contoh peparu yang merupakan organ quwwah ghadabiyyah dihasilkan oleh lapisan endoderma, ginjal yang merupakan organ quwwah syahwaniyyah dihasilkan oleh lapisan mesoderma.



SEL STEM

Selain sel-sel asas yang membentuk organ, terdapat juga sel yang masih tidak matang yang belum bertukar kepada mana-mana jenis sel secara khusus. Sel jenis ini dinamakan sebagai sel stem, ia berada di bahagian tertentu pada organ-organ. Ia boleh bertukar menjadi sel-sel tertentu setelah menerima rangsangan yang sepatutnya. Sel stem mempunyai pelbagai peringkat kemampuan dari sudut kebolehan bertukar kepada jenis-jenis sel yang tertentu. Ada sel stem yang hanya boleh bertukar kepada dua atau tiga jenis sel, dan ada juga sel stem yang boleh bertukar kepada pelbagai jenis.

ORGAN LUARAN : Organ luaran melibatkan tiga sistem iaitu;

1. Sistem Skeletal
2. Sistem Otot
3. Sistem Integumentari

SISTEM SKELETAL : Sistem skeletal dikenali juga sebagai sistem rangka. Sistem ini melibatkan tiga jenis organ iaitu;

1. Tulang *(bone).* Fungsi tulang ialah;

a. Memberi bentuk tubuh manusia secara umum.
b. Melindungi organ-organ lain yang lebih lembut khususnya organ dalaman.
c. Sum-sum tulang menghasilkan pelbagai jenis sel darah dan sel tisu penghubung.
d. Menjadi tempat otot skeletal bercantum untuk tujuan pergerakan.
e. Menjadi tempat simpanan mineral seperti kalsium.


2. Rawan *(cartilage).* Fungsi rawan ialah;


a. Mengelakkan geseran sesama tulang yang berada di dalam sendi.
b. Mencantumkan beberapa jenis tulang seperti tulang rusuk *(rib)* dan tulang pinggul *(pelvic)*.
c. Dalam usia tumbesaran, sebahagian rawan bertukar menjadi tulang.
d. Sebahagian rawan bersifat elastik dan ia penting untuk beberapa struktur seperti telinga dan hidung.

3. Sendi *(joint).* Fungsi sendi ialah;

a. Mencantumkan sesama tulang.
b. Membolehkan pergerakan otot dan tulang.
c. Mengehadkan gerakan otot dan tulang.
d. Cecair di dalam sendi mengurangkan geseran sesama hujung tulang.

* Terdapat satu struktur yang memegang sesama penghujung tulang, ia dinamakan ligamen.


SKELETON
Frontal bone
Nasal bone
Sphenoid bone
Zygomatic (malar) bone
Maxilla (upper jawbone)
Mandible (lower jawbone)
Parietal bone
Occipital bone
Temporal bone
Cervical vertebrae (7)
Clavicle (collarbone)
Scapula (shoulder blade)
Sternum (breastbone)
Rib (12 pairs)
Thoracic vertebrae (12)
Humerus
Rib cartilage
Lumbar vertebrae (5)
Radius
Ulna
Ilium
Ischium
Pubis
Sacrum
Phalanges of the fingers
Carpal (wrist) bones
Metacarpal bones
Femur (thigh bone)
Patella (knee cap)
Tibia
Fibula
Tarsal bones
Metatarsal bones
Phalanges of the toes



Anterior view
Left lateral view
Posterior view
Atlas (C1)
Axis (C2)
C7
T1
T12
L1
L5
Sacrum (S1–5)
Coccyx
Atlas (C1)
Axis (C2)
Cervical curvature
C7
T1
Thoracic curvature
T12
L1
Lumbar curvature
L5
Sacrum (S1–5)
Sacral curvature
Coccyx
Atlas (C1)
Axis (C2)
Cervical vertebrae
C7
T1
Thoracic vertebrae
T12
L1
Lumbar vertebrae
L5
Sacrum (S1–5)
Coccyx

SISTEM LIMFATIK : Sistem limfatik merangkumi lima organ utama iaitu;

1. Salur Limfatik *(lymphatic vessel / duct).* Fungsi salur limfatik ialah;

a. Mengembalikan lebihan nutrien, cecair tubuh dan sisa nutrien ke dalam salur darah.
b. Membawa bakteria atau patogen lain untuk dimusnahkan oleh kelenjar limfatik.

2. Kelenjar Limfatik *(lymph node).* Fungsi kelenjar limfatik ialah;

a. Memproses patogen untuk dimusnahkan.
b. Menjadi tempat tinggal bagi sel-sel imuniti khususnya sel limfosit.

3. Limpa *(spleen).* Fungsi limpa ialah;


a. Memproses patogen untuk dimusnahkan.
b. Menjadi tempat simpanan dan bekalan darah.
c. Memproses sel darah merah yang sudah lama dan tidak boleh digunakan lagi.


4. Kelenjar Timus *(thymus gland).* Fungsi kelenjar timus ialah;

a. Menjadi tempat pematangan dan simpanan sel limfosit T khususnya ketika umur kanak-kanak.

5. Tisu Limfatik *(lymphatic tissues).*

Tisu limfatik ialah tisu yang terdiri daripada sel-sel imuniti dan ia berada pada organ-organ tertentu, contoh tisu limfatik yang penting ialah tonsil pada mulut dan tompok Peyer pada usus kecil bahagian ileum. Ia berfungsi seperti organ-organ limfatik yang lain iaitu memproses patogen untuk dimusnahkan.


Tonsils
Cervical
lymph
node
Entrance of
thoracic duct into
subclavian vein
Right
lymphatic
duct
Thymus
gland
Axillary
lymph
node
Peyer's
patches in
intestinal
wall
Thoracic
duct
Spleen
Red
bone
marrow
Inguinal
lymph
node
S
R
L
I



JENIS FUNGSI SOMATIK AQLIYYAH


Fungsi somatik aqliyyah boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu;


1. Fungsi Syari'atullah
2. Fungsi Sunnatullah

FUNGSI SYARI'ATULLAH : Fungsi syari'atullah ialah fungsi aqliyyah yang normal bagi seseorang itu apabila ia mentaati syariat Allah. Ia terbahagi kepada dua iaitu;

1. Fungsi Dalaman
2. Fungsi Luaran

FUNGSI DALAMAN : Fungsi dalaman secara syari'atullah ialah fungsi akal berdasarkan syara' iaitu mengakui keesaan Allah, mengikhlaskan segala amal perbuatan hanya untuk Allah semata-mata dan meyakini segala rukun iman sepertimana yang telah dinyatakan dalam Ilmu Tauhid.


Cells of the Immune System
Stem Cell
Lymphoid Stem Cell
Myeloid Progenitor
Lymph ocytes
Granul ocytes
B Cell
Progenitor
T Cell
Progenitor
Natural
Killer Cell
Neutrophil
Eosinophil
Basophil
Mast Cell
Monocyte
Th Cell
Tc Cell
Plasma
Cell
Memory
Cell
Dendritic Cell
Macrophage



Autonomik
Ghadabiyyah
Taqwiyah
Limfawiyyah
Penghasilan
Tenaga
(Konsep Angin)
Pengurusan Haba
(Konsep Api)
Respiratori
Sirkulatori
Sel
Peningkatan suhu
Penurunan suhu
Kulit
Kimia
Sel Imuniti
Protein Hati
Semula Jadi
Adaptasi
Alergi


Jadi terdapat dua peringkat quwwah musawwirah iaitu;

1. Pembentukan Janin
2. Kelahiran Bayi

PEMBENTUKAN JANIN : Pada peringkat awal pembentukan janin, hanya tiga lapisan sel yang ada iaitu ektoderma, mesoderma dan endoderma. Daripada tiga lapisan inilah terbentuknya pelbagai organ dalam tiga kumpulan yang mewakili ketiga-tiga quwwah bagi manusia. Ektoderma mewakili quwwah aqliyyah, mesoderma mewakili quwwah ghadabiyyah dan endoderma mewakili quwwah syahwaniyyah.

PENGELUARAN BAYI : Tempoh pembentukan janin yang sempurna secara puratanya ialah 9 bulan 10 hari. Tugas terakhir musawwirah ialah melahirkan anak, proses ini melibatkan pengecutan rahim yang sangat kuat, lalu muncullah seorang lagi hamba Allah dan khalifah Allah di alam dunia ini. Maha Suci Allah yang telah menciptakan manusia, membentuknya, menebuk pendengarannya serta penglihatannya dengan qudrat-Nya dan kekuatan-Nya, maka Maha Suci Allah yang merupakan sebaik-baik Pencipta.





MAQALAH 2 : PENYAKIT SEL

Penyakit sel ialah penyakit yang melibatkan masalah pada sel sama ada dari sudut kuantiti atau kualiti atau kedua-duanya. Jadi, perbincangan mengenai penyakit sel boleh dibahagikan kepada tiga iaitu;


1. Kuantiti
2. Kualiti
3. Kuantiti Dan Kualiti

KUANTITI : Penyakit sel jenis kuantiti ada dua iaitu;

1. Bilangan
2. Saiz

BILANGAN : Bilangan sel yang bertambah dinamakan hiperplasia, bilangan sel yang berkurang dinamakan kematian sel. Kematian sel ada jua jenis iaitu;

1. Nekrosis
2. Apoptosis




Penyakit Sel
Kuantiti
Kualiti
Kuantiti & Kualiti
Bilangan
Saiz
Jenis
Kedudukan
Susunan
Inflamasi
Neoplasia
Hiperplasia
Kematian Sel
Hipertrofi
Atrofi
Metaplasia
Displasia
Koristoma
Hamartoma
Akut
Kronik
Tahap
Jenis Sel
Apoptosis
Nekrosis
Bernanah
Tidak
Spesifik
Tidak
Benigna
Malignan
Unipoten
Ekstraunipoten


BENTUK : Penyakit bentuk melibatkan perubahan pada organ daripada bentuk asalnya. Contohnya ialah organ yang bulat menjadi segi empat atau segi tiga.

PERMUKAAN : Penyakit permukaan melibatkan perubahan pada permukaan organ daripada keadaan yang sepatutnya. Contohnya ialah perubahan menjadi lebih licin, lebih kasar, berbiji, berketul dan bergaris.

KEDUDUKAN : Penyakit kedudukan melibatkan perubahan pada kedudukan organ daripada tempatnya yang sebenar. Contohnya ialah tergeliat, terkehel dan terseliuh.
PELERAIAN : Penyakit peleraian melibatkan terputusnya hubungan pada struktur organ yang pada asalnya adalah bersambung. Contohnya ialah luka, koyak dan tulang yang patah atau retak.

KUANTILITI: Penyakit organ kategori ini melibatkan apa-apa sahaja perubahan pada organ sama ada secara kuantiti dan kualiti yang terkeluar daripada batas normal. Contohnya ialah jari yang tergeliat dan menjadi bengkak, atau jari yang terlebih dan berbentuk melengkung.





ARTROPOD

Artropod ialah haiwan yang mempunyai rangka di bahagian luar, boleh juga disebut sebagai kulit yang agak keras. Terdapat pelbagai spesies artropod, namun artropod yang terlibat dalam bidang perubatan hanyalah artropod yang ada kaitan dengan keadaan tubuh manusia.

Artropod yang terlibat dalam bidang perubatan secara umumnya boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu serangga, araknid dan krustasea. Contoh serangga ialah nyamuk, lalat, pinjal *(flea),* kutu *(louse/lice)* dan pepijat *(bug).* Contoh araknid ialah sengkenit *(tick),* tungau/hama *(mite)* dan kala jengking. Contoh krustasea ialah siklop.


Artropod boleh memberi kesan kepada tubuh sama ada secara langsung atau secara tidak langsung. Kesan secara langsung ialah apabila artropod itu sendiri yang menyebabkan penyakit seperti melalui gigitan atau toksin yang dimasukkan ke dalam tubuh manusia.

Kesan secara tidak langsung pula ialah apabila artropod itu menjadi objek tumpangan bagi organisma lain yang boleh menyebabkan penyakit seperti bakteria, virus, protozoa dan helmint.
Contoh penyakit yang berpunca daripada artropod ialah kudis

buta *(scabies)* dan gatal-gatal yang disebabkan oleh tindak balas imuniti jenis alergi terhadap antigen pada artropod. Sebahagian artropod mempunyai bisa atau toksin yang boleh memberi kesan yang sangat berbahaya seperti toksin sengkenit yang boleh menyebabkan lumpuh dan bisa kala jengking yang boleh menyebabkan kematian.

Adapun organisma lain seperti haiwan yang bersaiz besar, maka ia boleh dimasukkan dalam kategori punca keadaan tubuh jenis lain. Contohnya ialah harimau, apabila harimau membaham seseorang maka perkara ini boleh dikategorikan sebagai trauma iaitu punca fizikal. Jika seseorang itu dipatuk ular beserta bisa, maka patukan itu dikira sebagai trauma, manakala bisa ular itu pula boleh dianggap sebagai bahan racun iaitu salah satu pecahan punca kimiawi. Begitulah juga dengan haiwan-haiwan lain.


Walaupun organisma yang telah disebutkan dikatakan sebagai punca, adakalanya ia bukanlah punca utama, contohnya apabila tubuh kekurangan nutrien untuk sistem imuniti, maka sistem imuniti akan lemah lalu menyebabkan organisma bahaya masuk ke dalam tubuh. Dalam kes sebegini, kekurangan nutrien adalah punca pertama dan utama, organisma hanyalah punca sampingan.




PALPASI NADI : Palpasi nadi merupakan kaedah untuk mengetahui keadaan seseorang itu dengan cara menyentuh nadi seseorang dan mengambil bacaan gerakan nadi tersebut berdasarkan panduan tertentu. Kaedah ini wujud dalam pelbagai Perubatan Tradisional seperti Perubatan Yunani, Perubatan Ayurveda dan Perubatan Tradisional Cina. Secara asasnya kesemua sistem Perubatan Tradisional mempunyai dasar dan prinsip yang sama dalam mentafsirkan gerakan nadi, namun terdapat beberapa perbezaan.



PEMERHATIAN LIDAH : Pemerhatian lidah ialah kaedah mengenal pasti keadaan seseorang itu melalui pemerhatian pada lidahnya dari sudut bentuk, warna, ketebalan dan lain-lain. Kaedah diagnosis ini banyak ditekankan dalam Perubatan Ayurveda dan Perubatan Tradisional Cina.





A : Hentian antara penghujung kecutan nadi dan permulaan denyutan nadi.
B : Gerakan denyutan nadi.
C : Hentian antara penghujung denyutan nadi dan permulaan kecutan nadi.
D : Gerakan kecutan nadi.

Lokasi yang digunakan untuk palpasi nadi ialah arteri pada pergelangan tangan. Ia dipilih berdasarkan beberapa sebab antaranya ialah kedudukannya yang tidak terlindung di sebalik organ lain khususnya otot skeletal, kedudukannya yang dekat dengan jantung, bentuknya yang lurus, mudah untuk perawat mengambil bacaan kerana ia biasanya terdedah dan baik untuk pesakit kerana tidak perlu mendedahkan kawasan yang biasanya ditutup.


Secara asasnya palpasi nadi menggunakan 10 aspek penilaian nadi iaitu;

1. Kadar Denyutan Nadi
2. Ketukan Denyutan Nadi
3. Kelajuan Denyutan Nadi
4. Tempoh Hentian Nadi
5. Pemenuhan Arteri
6. Kelembutan Arteri
7. Suhu Arteri
8. Kesamaan Nadi
9. Keseragaman Nadi
10. Timbangan Nadi

Saya akan jelaskan satu persatu aspek-aspek nadi ini secara ringkas, insyaAllah.

KADAR DENYUTAN NADI (Besar-Sederhana-Kecil) : Kadar denyutan nadi ada tiga iaitu nadi besar, nadi sederhana dan nadi kecil. Ia dibuat dengan merujuk kepada satu nilai denyutan nadi yang dibuat berdasarkan tiga perkara iaitu;

1. Kepanjangan Nadi (pendek-sederhana-panjang).
2. Kelebaran Nadi (halus-sederhana-lebar).
3. Kedalaman Nadi (luar-sederhana-dalam).



Kepanjangan ialah panjang denyutan nadi yang diukur dengan menggunakan empat jari selain ibu jari. Sekiranya panjang nadi dirasai pada tiga jari atau kurang maka ia dinamakan nadi pendek, sekiranya ia dirasai pada empat jari maka ia dinamakan nadi seimbang dan sekiranya ia dirasai sebagai melebihi empat jari maka ia dinamakan nadi panjang.

Kelebaran nadi ialah kelebaran denyutan nadi yang dirasai pada hujung jari. Sekiranya kelebaran nadi dirasai tidak memenuhi hujung jari maka ia dinamakan nadi halus, sekiranya ia dirasai memenuhi hujung jari maka ia dinamakan nadi sederhana dan sekiranya ia dirasai melebihi hujung jari maka ia dinamakan nadi lebar.

Kedalaman nadi ialah tempat nadi dikesan berdasarkan jaraknya dengan permukaan kulit. Sekiranya denyutan nadi dapat dirasai pada permukaan kulit dan tanpa perlu menekan jari padanya maka ia dinamakan nadi luar, sekiranya ia tidak dirasai pada permukaan kulit dan perlukan tekanan yang lemah maka ia dinamakan nadi sederhana dan sekiranya ia tidak dirasai pada permukaan kulit bahkan perlu ditekan dengan kuat maka ia dinamakan nadi dalam.

1. Kekuatan Quwwah Syahwaniyyah
2. Struktur Arteri

Quwwah syahwaniyyah yang kuat dan struktur arteri yang lembut menyebabkan berlakunya nadi kuat. Keadaan yang sebaliknya menyebabkan berlakunya nadi lemah dan keadaan yang sederhana antara kedua-duanya menyebabkan berlakunya nadi sederhana.


KELAJUAN DENYUTAN NADI (Cepat-Sederhana-Lambat) : Kelajuan denyutan nadi merujuk kepada kadar denyutan nadi dalam tempoh masa tertentu. Terdapat tiga jenis nadi berdasarkan kelajuan denyutan nadi iaitu nadi cepat, nadi sederhana dan nadi lambat. Penentuan kadar kelajuan denyutan nadi memerlukan pengalaman yang banyak kerana tiada satu ukuran khusus untuk menentukannya, ia boleh dipengaruhi oleh pelbagai perkara seperti umur, jantina, pekerjaan dan bangsa.


PUNCA KELAJUAN DENYUTAN NADI

Punca yang menyebabkan berlakunya perbezaan pada kelajuan denyutan nadi ada dua iaitu;

1. Kekuatan Quwwah Haiwaniyyah
2. Kepanasan

Quwwah haiwaniyyah yang kuat dan kepanasan yang tinggi menyebabkan berlakunya nadi cepat. Keadaan yang sebaliknya menyebabkan berlakunya nadi lambat dan keadaan yang sederhana antara kedua-duanya menyebabkan berlakunya nadi sederhana.






TEMPOH HENTIAN NADI (Berturutan-Sederhana-Terpisah) : Tempoh hentian nadi merujuk kepada tempoh hentian yang berada antara penghujung kecutan nadi dan permulaan denyutan nadi. Sekiranya tempohnya adalah pendek dan dirasakan seolah-olah setiap denyutan nadi adalah kurang jelas serta bersambung antara satu sama lain, maka ia dinamakan nadi berturutan. Sekiranya tempohnya adalah panjang dan dirasakan seolah-olah setiap nadi adalah jelas serta terpisah antara satu sama lain, maka ia dinamakan nadi terpisah. Adapun tempoh hentian nadi yang pertengahan antara kedua-duanya dinamakan nadi sederhana.

PUNCA TEMPOH HENTIAN NADI

Punca yang menyebabkan berlakunya perbezaan pada tempoh hentian nadi ialah keadaan quwwah haiwaniyyah. Quwwah haiwaniyyah yang aktif mengambil oksigen dan mengepam jantung menyebabkan tempoh hentian nadi berkurang lalu menyebabkan denyutan nadi seolah-olah bersambung dan ia dinamakan nadi berturutan. Keadaan yang sebaliknya menyebabkan berlakunya nadi terpisah dan keadaan pertengahan antara kedua-duanya menyebabkan berlakunya nadi sederhana.



BAHAGIAN ENAM : PENJAGAAN KESIHATAN

Penjagaan kesihatan boleh dicapai melalui pengurusan diri sama ada yang bersifat umum atau khusus. Penjagaan umum ialah penjagaan yang perlu diamalkan oleh setiap orang secara umum. Penjagaan khusus pula ialah penjagaan yang perlu diamalkan oleh golongan tertentu berdasarkan aspek yang khusus.

Penjagaan kesihatan secara jasmaninya bukanlah bertujuan menjadikan seseorang itu sentiasa muda atau hidup dengan lebih panjang tanpa kematian. Ini adalah kerana berlakunya satu proses yang menghalang kedua-dua matlamat tersebut iaitu penuaan *(aging)*. Penuaan merupakan sesuatu yang wajib dihadapi oleh setiap manusia tanpa dapat dielakkan, kecuali bagi mereka yang Allah kehendaki sebaliknya.

Daripada Usamah Ibnu Syarik, beliau telah berkata : Aku telah berada di sisi Nabi SAW, dan orang Badwi datang lalu bertanya, "Adakah kami perlu berubat?". Maka Baginda SAW menjawab, "Ya, wahai hamba-hamba Allah berubatlah, sesungguhnya Allah tidak menjadikan sesuatu penyakit melainkan telah dijadikan baginya penawar, kecuali satu penyakit.". Mereka bertanya. "Apakah ia?". Baginda SAW menjawab, "Tua."

(Riwayat Tirmizi, Abu Daud dan Ahmad)

Dalam Perubatan Yunani, proses penuaan dianggap sebagai satu proses yang melibatkan kehilangan cecair tubuh yang menyebabkan berkurangnya sifat basah tubuh. Ia disebabkan oleh kepanasan semula jadi yang bersifat menguraikan sifat basah tubuh. Apabila tubuh bersifat terlalu kering maka banyak proses tubuh yang penting terganggu, lalu menyebabkan berlakunya kematian tabi'i. Penjagaan kesihatan bertujuan menyampaikan manusia kepada kematian jenis ini, dengan syarat tiada punca luaran yang bersifat membunuh seperti

kemalangan atau terjatuh bangunan.

Dalam Perubatan Moden, teori utama yang selalu dikaitkan dengan penuaan ialah teori radikal bebas. Ini bermakna bahan-bahan radikal bebas menyebabkan kerosakan pada organ-organ tubuh, apabila kadar kesan radikal bebas sangat tinggi iaitu setelah menghadapi tempoh umur yang panjang, maka kesan kerosakan tubuh adalah jelas dan kritikal seperti mana yang dapat kita lihat pada orang-orang tua. Walau bagaimanapun, teori ini masih boleh dipertikai kerana peratus kesan radikal bebas pada tubuh bukanlah menimpa tubuh pada setiap masa, bahkan ia bergantung kepada gaya hidup seseorang.

Peratus kesan radikal bebas adalah seperti kesan bakteria atau organisma lain. Sekiranya manusia tidak semuanya sakit dan dijangkiti organisma pada setiap masa, maka begitulah juga proses penuaan yang dikaitkan dengan radikal bebas sepatutnya tidak berlaku pada semua orang dan pada setiap masa, tetapi ini bukanlah realitinya. Apa yang berlaku ialah semua orang menghadapi penuaan dan tempoh umur manusia yang mati secara tabi'i tidaklah jauh bezanya secara purata berdasarkan zaman. Sekiranya teori radikal bebas adalah benar dan merupakan satu-satunya punca penuaan, maka sudah tentu orang yang melawan radikal bebas melalui pengambilan antioksidan mampu hidup untuk tempoh yang sangat lama, bahkan tidak mustahil ia hanya akan mati apabila tibanya Hari Kiamat, selagi mana mereka tidak ditimpa punca luaran yang bersifat membunuh.

Pada pendapat saya buat masa ini, penuaan secara asasnya mungkin disebabkan oleh salah satu daripada dua punca yang akan saya nyatakan, ataupun mungkin juga gabungan kedua-duanya. Punca pertama ialah wujudnya satu sistem "kalendar tubuh" yang bersifat mengawal segala proses tubuh dari sudut usia. Kalendar tubuh ini menentukan kadar dan jenis tumbesaran yang berlaku pada tubuh. Konsep ini dapat dilihat pada tumbesaran manusia yang bermula dari bayi di mana bayi mengalami pertambahan dengan kadar yang sangat laju dan menambahkan ketinggiannya. Begitulah juga apabila manusia baligh, tumbesarannya pada ketika ini terfokus pada pembinaan bentuk tubuh dan perwatakan sama ada bersifat maskulin atau feminin. Orang yang dewasa tumbesarannya boleh dikatakan sebagai sempurna dan stabil. Apabila seseorang itu sudah tua, maka kalendar tubuh ini sendiri yang dengan sengaja menentukan agar tubuh tidak berfungsi seperti sebelumnya. Perkara ini pada hakikatnya adalah normal, namun disebabkan kita menilainya secara relatif dengan fungsi tubuh pada usia sebelum tua, maka kita katakan bahawa ia adalah penyakit, tetapi penyakit jenis primer iaitu penyakit

yang berlaku tanpa diketahui puncanya. Berdasarkan konsep ini, penyakit-penyakit yang biasanya menimpa orang tua dan bersifat melemahkan tubuh seperti kencing manis dan juga darah tinggi yang disebabkan oleh berkurangnya sifat elastik pada arteri, boleh dianggap sebagai kategori penyakit tua yang telah dinyatakan oleh Nabi SAW sebagai penyakit yang tiada ubatnya. Namun ini tidak bererti kita perlu membiarkannya begitu sahaja, sebaliknya kita perlu menukar persepsi bahawa ia bukanlah penyakit yang boleh dirawat sehingga sembuh, tetapi merupakan keadaan normal yang perlu diuruskan melalui kaedah penjagaan kesihatan, supaya ia mencapai tahap terakhir penuaan iaitu kematian tabi'i.

Adapun perkara kedua yang mungkin menjadi punca bagi proses penuaan ialah kod genetik khususnya DNA. Sehingga kini kod genetik masih belum mampu diketahui secara jelas fungsinya bagi setiap bahagian pada DNA, masih banyak bahagian yang belum diterokai yang mungkin mengandungi pelbagai rahsia ciptaan Allah. Kod genetik mungkin menyebabkan proses penuaan melalui kepelbagaian jenis kodnya, iaitu setiap sifat organ tubuh dari sudut usia, kesemuanya mempunyai kodnya yang tersendiri pada bahagian gen yang berbeza. Ini bererti struktur di dalam sel yang berfungsi sebagai "pembaca" kod genetik untuk diterjemahkan sebagai struktur pengubah organ tubuh (enzim) akan berpindah tempat bacaannya daripada satu bahagian gen kepada bahagian yang lain berdasarkan masa. Perubahan struktur organ daripada muda kepada tua boleh berlaku apabila ada kod genetik yang menentukan sifat kuat bagi organ untuk golongan muda dan ada bahagian lain pula yang menentukan sifat lemah bagi organ untuk golongan tua. Dengan berubahnya tempat bacaan kod genetik daripada bahagian kuat kepada lemah, maka berlakulah perubahan pada struktur organ seperti yang dapat kita lihat pada seseorang yang tua berbanding seseorang yang muda.

Kedua-dua cadangan punca penuaan ini mungkin bergabung dan menghasilkan satu sistem penuaan berdasarkan bahan tertentu yang berkonsepkan sistem endokrin yang datang daripada sistem kalendar tubuh, kemudian menuju ke sel-sel organ lalu menyebabkan perubahan pada lokasi bacaan kod genetik. Akhirnya berlaku apa yang kita namakan sebagai pendewasaan dan penuaan. Jika gabungan ini dikaitkan dengan konsep penuaan dalam Perubatan Yunani, maka dapatlah kita katakan bahawa kalendar tubuh mengeluarkan bahan tertentu yang merangsang perubahan bahagian bacaan genetik, hasil bacaan gen itu pula menyebabkan struktur organ sedia ada dalam tubuh mengalami penguraian secara beransur-ansur dan ia juga menyebabkan penerimaan nutrien oleh tubuh juga menjadi semakin berkurang sama ada dengan sebab usus yang semakin lemah lalu

DALAMAN : Rawatan sunnatullah secara dalaman merujuk kepada perkara abstrak yang melibatkan penggunaan roh semata-mata. Contoh rawatan jenis ini ialah pengetahuan mengenai ilmu lain selain ilmu agama, sentiasa berfikir, yakin dengan potensi diri, berselera untuk makan dan berperasaan gembira.

UCAPAN : Rawatan sunnatullah secara ucapan merujuk kepada perkara asbtrak yang melibatkan penggunaan lisan. Contoh rawatan jenis ini ialah latihan bercakap supaya sentiasa lancar dan petah, menggunakan nada yang sesuai dengan jenis ucapan dan bercakap dengan menggunakan sebutan yang tepat.

PERBUATAN : Rawatan sunnatullah secara perbuatan merujuk kepada perkara asbtrak yang melibatkan penggunaan anggota badan dan pancaindera. Contoh rawatan jenis ini ialah bersenam, menggunakan anggota badan dengan betul dan melakukan gerakan tertentu yang sesuai dengan keadaannya seperti yang diamalkan dalam fisioterapi.

FASAL 2 : RAWATAN MATERIAL

Rawatan material merupakan rawatan yang menggunakan perkara yang bersifat material dan mekanismenya juga bersifat material. Terdapat tiga jenis rawatan material yang akan dinyatakan dalam tiga maqalah seperti berikut;

Maqalah 1 : Pengurusan *(administration / التدبير).*

Maqalah 2 : Pengubatan *(medication / الأدوية).*

Maqalah 3 : Pertanganan *(regimentation / أعمال اليد).*

MAQALAH 1 : PENGURUSAN

Pengurusan bererti menguruskan enam perkara wajib dalam penjagaan kesihatan. Hal ini adalah kerana terdapat penyakit yang boleh dirawat dengan mudah tanpa sebarang pengubatan atau pertanganan, jadi apa yang perlu dilakukan hanyalah kembali kepada langkah-langkah asas untuk menjaga kesihatan. Mungkin ia melibatkan sedikit perubahan dan pemanipulasian menurut keperluan rawatan penyakit.

Mungkin seseorang itu tidak teratur tidurnya, jadi ia hanya perlu uruskan masa tidurnya dengan baik. Mungkin juga seseorang itu makan pada waktu yang kurang sesuai bagi sistem penghadamannya, jadi ia hanya perlu aturkan waktu makan kepada waktu yang sepatutnya. Mungkin juga spiritualnya tidak stabil dan tertekan lalu

ditimpa penyakit, maka penawar penyakit tersebut adalah dengan menenangkan hati dan jiwanya.

MAQALAH 2 : PENGUBATAN

Pengubatan bererti melakukan perawatan dengan bahan-bahan tertentu yang boleh memperbaiki keadaan tubuh yang sakit. Antara perkara penting berkaitan pengubatan ialah;

1. Jenis Ubatan
2. Sifat Ubatan
3. Penyediaan Ubatan

JENIS UBATAN

Terdapat pelbagai cara untuk mengklasifikasikan jenis ubatan. Ubatan boleh dibahagikan berdasarkan beberapa perkara seperti sumbernya, organ sasaran, tahap ketoksikan, fungsinya dan sifatnya. Pembahagian ubatan berdasarkan sifat tabi'inya adalah seperti berikut;

1. Ubatan Berkonsep Api
2. Ubatan Berkonsep Angin
3. Ubatan Berkonsep Air
4. Ubatan Berkonsep Tanah

UBATAN BERKONSEP API : Ubatan yang berkonsep api ialah haba yang sesuai, sinaran UV atau cahaya tertentu, penggunaan elektrik oleh sesetengah perawat boleh dikategorikan juga sebagai ubatan berkonsep api.

UBATAN BERKONSEP ANGIN : Ubatan yang berkonsep angin ialah ubatan yang bersifat semburan, bauan atau wangian seperti kasturi dan anbar.

UBATAN BERKONSEP AIR : Ubatan yang berkonsep air ialah ubatan yang bersifat cair seperti madu, minyak habbatus sauda dan minyak zaitun.

UBATAN BERKONSEP TANAH : Ubatan yang berkonsep tanah ialah ubatan yang bersifat pepejal, terdapat tiga jenis ubatan berkonsep tanah iaitu;

1. Mineral
2. Haiwan
3. Tumbuhan

MINERAL : Mineral merujuk kepada bahan-bahan galian yang diambil daripada bumi seperti garam laut dan garam bukit.

HAIWAN : Haiwan merujuk kepada haiwan yang boleh digunakan untuk tujuan perawatan. Contoh haiwan yang boleh digunakan untuk perawatan ialah kambing, arnab, lembu dan unta. Organ tertentu pada haiwan adakalanya mempunyai khasiat yang khusus untuk penyakit tertentu.

TUMBUHAN : Tumbuhan merujuk kepada tumbuhan yang boleh digunakan untuk tujuan perawatan. Terdapat jenis-jenis asas bagi tumbuhan iaitu;

1. Bijirin Asasi (beras, gandum, barli).
2. Buah-Buahan (anggur, epal, delima, limau).
3. Sayur-Sayuran (bayam, salad, kucai).
4. Ubi-Ubian (ubi keledek, ubi kayu, ubi kentang).
5. Kekacang (badam, kacang tanah).
6. Rempah Ratus (kunyit, bunga cengkih, lada hitam, kayu manis).
7. Herba (tongkat ali, teja lawang, kacip fatimah).

Walaupun tajuk ini berkaitan ubatan, ia tidak hanya terbatas kepada bahan jenis xenobiotik semata-mata atau biasanya disebut sebagai dadah, bahkan ia merangkumi bahan makanan seharian. Hal ini adalah kerana makanan seharian juga kebanyakannya mengandungi bahan xenobiotik tertentu seperti allisin pada bawang putih. Sekiranya makanan seharian tidak mengandungi bahan xenobiotik sekalipun, ia tetap boleh digunakan untuk tujuan perawatan, jadi sesuailah untuk kita kategorikan makanan seharian sebagai ubatan. Hippocrates pernah menyatakan bahawa;

"Jadikan makanan sebagai ubatanmu,
jadikan ubatan sebagai makananmu."

Dalam Perubatan Moden, terdapat sumber-sumber lain bagi ubat-ubatan, contohnya seperti dadah sintetik, insulin daripada pemanipulasian bakteria atau campuran bahan asli dengan bahan sintetik. Perubatan Moden juga menggunakan manusia sebagai salah satu bahan rawatan seperti yang berlaku dalam pendermaan organ dan darah.

SIFAT UBATAN

Dalam Kimia Moden, ubatan dibahagikan kepada ubatan tidak berpolar dan ubatan berpolar. Ubatan tidak berpolar ialah ubatan yang

tidak mempunyai cas positif atau negatif. Ia tidak mempunyai cas bukanlah kerana ia sememangnya tidak mempunyai cas, tetapi ia mempunyai cas yang seimbang lalu menyebabkan hasil jumlah cas ubatan tersebut adalah kosong atau hampir kosong. Adapun ubatan berpolar, ia merujuk kepada ubatan yang mempunyai hasil jumlah cas sama ada positif atau negatif. Ubatan kategori ini terdiri daripada dua jenis iaitu asid dan alkali.

Ubatan tidak berpolar mudah meresap ke dalam tubuh melalui pelbagai tempat seperti kulit dan dinding sel. Ubatan berpolar pula mempunyai tempat masuk ke dalam tubuh yang tersendiri seperti lokasi tertentu pada saluran usus.

Dalam Perubatan Yunani, ubatan dibahagikan berdasarkan sifat mizaj yang empat iaitu panas, sejuk, basah dan kering. Cara untuk mengetahui sifat mizaj ini ada dua iaitu melalui ujikaji atau induktif dan juga melalui pengkiasan atau deduktif.

Melalui kaedah induktif, sesuatu ubatan yang ingin dikaji sifatnya perlu dirasai sendiri oleh pengkaji dari sudut kesannya kepada tubuh dengan syarat-syarat tertentu. Kaedah ini agak berisiko apabila ia melibatkan bahan bertoksik dan bahaya. Ujikaji ke atas haiwan tertentu boleh dilakukan, namun tahap ketepatannya adalah kurang kerana tubuh haiwan berbeza dengan manusia, bahkan sesama manusia sendiripun berbeza tindak balasnya terhadap ubatan. Jadi, pemilihan ubatan bagi dua pesakit yang mempunyai penyakit yang sama mungkin berbeza. Kaedah yang hampir sama juga digunakan dalam Perubatan Moden.

Kesan ubatan sama ada panas, sejuk, basah atau kering boleh dibahagikan kepada empat tahap seperti berikut.

Tahap Pertama : Kesannya tidak dapat dirasai melainkan dengan pengambilan bahan tersebut secara berulang-ulang dalam kuantiti yang banyak.

Tahap Kedua : Kesannya dapat dirasai dengan kuantiti yang sedikit, namun ia tidak sampai menimbulkan sebarang kemudaratan kepada tubuh.

Tahap Ketiga : Ubatan pada tahap ini memberikan kesan kemudaratan kepada tubuh, namun ia tidak sampai tahap membunuh.

Tahap Keempat : Ubatan pada tahap ini merosakkan tubuh dan bersifat membunuh. Ia dinamakan sebagai racun.

Kaedah deduktif pula tidak melibatkan sebarang ujikaji kepada tubuh, sebaliknya ia menggunakan ukuran atau ciri-ciri tertentu pada ubatan untuk mengetahui sifatnya. Antara ciri-ciri yang digunakan untuk menentukan sifat ubatan ialah bau, warna, penerimaan suhu dan rasa. Deduktif berdasarkan rasa adalah yang paling menghampiri ketepatan berbanding yang lain.

Antara faktor yang menyebabkan kurangnya ketepatan kaedah deduktif adalah kerana sesuatu ubatan itu mungkin mengandungi pelbagai bahan yang berbeza mizaj, jadi mizaj ubatan tersebut bercampur antara satu sama lain. Ini menyebabkan mizaj sebahagian ubatan tersebut sahaja yang terzahir dan dapat dikesan, manakala mizaj sebahagian yang lain pula tersembunyi dan tidak dapat dikesan.

Deduktif berdasarkan rasa dibuat dengan menggunakan dua perkara iaitu mizaj ubatan dan saiz bahan ubatan. Mizaj yang terlibat adalah panas, sejuk dan pertengahan antara kedua-duanya iaitu sederhana. Saiz bahan ubatan yang terlibat adalah kasar, halus dan pertengahan antara kedua-duanya iaitu sederhana. Gabungan kesemuanya menghasilkan sembilan jenis rasa seperti berikut;

1. Ubatan yang kasar dan panas rasanya pahit.
2. Ubatan yang kasar dan sejuk rasanya pedar.
3. Ubatan yang kasar dan sederhana suhu rasanya manis.
4. Ubatan yang halus dan panas rasanya pedas.
5. Ubatan yang halus dan sejuk rasanya masam.
6. Ubatan yang halus dan sederhana suhu rasanya berlemak.
7. Ubatan yang sederhana saiz dan panas rasanya masin.
8. Ubatan yang sederhana saiz dan sejuk rasanya kelat.
9. Ubatan yang sederhana saiz dan sederhana suhu rasanya tawar.

	PANAS	**SEDERHANA**	**SEJUK**
KASAR	Pahit	Manis	Pedar
SEDERHANA	Masin	Tawar	Kelat
HALUS	Pedas	Berlemak	Masam

PENUTUP

Alhamdulillah, dengan kehendak Allah dan pertolongan-Nya, maka telah saya siapkan risalah ini. Tidak dinafikan bahawa terlalu banyak kekurangan yang ada dalam risalah ini dan semuanya tidak lain dan tidak bukan tentulah datang daripada kelemahan diri saya sendiri selaku manusia yang lemah, tiada daya dan kekuatan melainkan dengan izin-Nya jua.

Inilah satu cetusan daripada saya dalam usaha menyusun kembali asas-asas ilmu perubatan yang berlandaskan syari'atullah dan sunnatullah. Semoga risalah yang serba ringkas ini menjadi langkah pertama bagi langkah-langkah yang seterusnya untuk mengintegrasikan ilmu perubatan moden dengan asas-asas agama. Bagi saya usaha ini sangat penting kerana ilmu sains moden secara umumnya telah tercemar dengan sesetengah falsafah barat yang membuatkan manusia semakin jauh daripada Allah, bahkan tidak kurang juga yang menyalahgunakan ilmu sains dan teknologi untuk melawan perintah agama dan suruhan Tuhan. Manusia zaman ini khususnya umat Islam perlukan satu acuan yang tersendiri dalam meneroka alam ini beserta undang-undangnya.

Antara punca kelemahan umat Islam masa kini dalam bidang sains dan teknologi ialah perasaan tidak yakin dengan kemampuan diri sendiri. Umat Islam kebanyakannya terlalu bergantung kepada peraturan dan etika yang disusun oleh dunia barat tanpa berani melakukan penilaian dan pengkajian semula. Umat Islam harus berjiwa besar dan sedia mengambil apa sahaja langkah untuk mencapai kemajuan dan kecemerlangan dalam setiap aspek kehidupan. Umat Islam tidak boleh menjadikan bidang yang diceburinya sebagai sumber pendapatan semata-mata, tetapi perlu meminati dan mengkajinya dengan usaha yang maksimum, hasilnya dunia Islam akan terkehadapan dan umat Islam mampu memimpin dunia dalam segala bidang insyaAllah, ia tidak terhad kepada ilmu sains dan teknologi semata-mata.

Namun, asas-asas dan prinsip-prinsip agama Islam tidak boleh ditinggalkan atau diabaikan kerana itulah satu-satunya aset yang paling berharga bagi umat Islam. Ajaran agama sahajalah yang dapat membimbing umat Islam agar mencapai kemuncak ketamadunan yang hakiki iaitu ketamadunan rohani, bukan seperti barat yang gah dengan pencapaian teknologinya namun telah kehilangan nilai-nilai akhlaq dan adab dalam kehidupan. Umat Islamlah yang perlu menunjukkan contoh kepada dunia tentang bagaimana menguruskan kehidupan menuju kepada ketamadunan yang tinggi dan suci.

Semoga Allah mengampuni segala kesalahan dan kesilapan saya dalam menghasilkan risalah ini. Teguran, cadangan dan kritikan membina ke arah memantapkan lagi risalah ini amatlah dialu-alukan. Saling berpesan pada kebenaran merupakan sifat umat Islam dan itulah juga sifat mereka yang tidak berada dalam kerugian. Segala puji bagi Allah, selawat dan salam buat Kekasih-Nya Nabi Muhammad SAW. Wallahu'alam.

Nasir Sobri

RUJUKAN

RUJUKAN BAHASA ARAB

1. Al-Quran.
2. As-Sunnah.
3. At-Tibb An-Nabawi, *Imam Ibnul Qayyim Al-Jauziyyah.*
4. At-Tibb An-Nabawi, *Imam Syamsuddin Az-Zahabi.*
5. At-Tibb An-Nabawi, *Imam As-Suyuti.*
6. Al-Qanun Fi At-Tibb, *Ibnu Sina.*
7. Al-Mujaz Fi At-Tibb, *Ibnun Nafis.*
8. Al-Kulliyyat Fi At-Tibb, *Ibnu Rusyd.*
9. Al-Hawi Fi At-Tibb, *Ar-Razi.*
10. Al-Masail Fi At-Tibb, *Hunain Ibnu Ishaq.*
11. Kamil As-Sina'ah At-Tibbiyyah, *'Ali Ibnu 'Abbas Al-Ahwazi.*
12. 'Ulama Al-'Arab, *Ad-Duktur Yusuf Farhat.*
13. Ihya' Ulum Ad-Din, *Imam Al-Ghazali.*
14. Hujjatullah Al-Balighah, *Syah Waliyyullah Ad-Dahlawi.*
15. At-Tibb Ar-Ruhani, *Ibnul Jauzi.*
16. Sirr Al-Asrar, *Syaikh 'Abdul Qadir Al-Jailani.*
17. An-Nasaih Ad-Diniyyah Wal Wasaya Al-Imaniyyah, *Syaikh 'Abdullah Al-Haddad.*
18. An-Nabd Lil Muta'allimin Li Jalinus, *Hunain Ibnu Ishaq.*
19. Asy-Syifa', *Ibnu Sina.*
20. Syarhu Tasyrih Al-Qanun, *Ibnun Nafis.*
21. An-Nafs Wa Ar-Ruh, *Imam Fakhruddin Ar-Razi.*
22. Al-Futuhat Al-Makkiyyah, *Ibnu 'Arabi.*
23. Ar-Rahmah Fit Tibb Wal Hikmah, *Imam As-Suyuti.*
24. Majmua'h Ar-Rasail, *Imam Hasan Al-Banna.*
25. Madarijus Salikin, *Imam Ibnul Qayyim Al-Jauziyyah.*
26. Ad-Da' Wa Ad-Dawa', *Imam Ibnul Qayyim Al-Jauziyyah.*
27. Rasail Asy-Syajarah Al-Ilahiyyah, *Syaikh Syamsuddin Asy-Syahrazuri.*

RUJUKAN BAHASA MELAYU

1. Perubatan Jawi, *Tuan Haji Ismail Bin Haji Ahmad.*
2. Inilah Pegangan Kami, *Tuan Haji Ismail Bin Haji Ahmad.*
3. Mari Bersama Kami, *Tuan Haji Ismail Bin Haji Ahmad.*
4. Teori-Teori Asas Perubatan Ibnu Sina, *Dr. Mohd Hilmi Bin Abdullah.*
5. Tatacara Penjagaan Kesihatan Menurut Ibnu Sina, *Dr. Mohd Hilmi Bin Abdullah.*
6. Rawatan Umum Dalam Perubatan Ibnu Sina, *Dr. Mohd Hilmi Bin Abdullah.*

RUJUKAN BAHASA INGGERIS

1. Translation Of Canon Of Medicine, *Oskar Cameron Gruner.*
2. Translation Of Canon Of Medicine, *Jami'a Hamdard, India.*
3. The Traditional Healer's Handbook, *Hakim Moinuddin Chishti.*
4. Textbook Of Medical Physiology (12th Edition), *Guyton & Hall.*
5. Review Of Medical Physiology (23rd Edition), *William Francis Ganong.*
6. Introduction To Al-Umur At-Thabi'iyyah, *Hakim Sayed Ishtiaq Ahmed.*

KAMUS

1. Lisan Al-'Arab, *Ibnu Manzur.*
2. Mu'jam An-Nafais Al-Kabir, *Dar An-Nafais.*
3. Al-Mu'jam Al-Wasit, *Majma' Al-Lughah Al-Arabiyyah.*
4. Al-Mughni Al-Farid, *Hasan Said Al-Karmi.*
5. Kamus Al-Marbawi, *Syeikh Idris Al-Marbawi.*
6. Oxford Advanced Learner's Dictionary (7th), *Oxford University Press.*
7. Kamus Al-Miftah, *Al-Azhar Media Sdn. Bhd.*

LAMAN WEB

1. *www.greekmedicine.net*
2. *www.al-mostafa.com*
3. *www.adelaide.edu.au*
4. *www.ucl.ac.uk*
5. *www.prpm.dbp.gov.my*
6. *www.wikipedia.org*
7. *www.naturalnews.com*
8. *www.ncbi.nlm.nih.gov*
9. *www.globinmed.com*
10. *www.elib.hbi.ir*

BIODATA PENULIS

Penulis “Risalah Ilmu Perubatan” ialah Muhammad Nasiruddin Bin Mohd Sobri. Dilahirkan di Pulau Pinang.

Memulakan pendidikan tahap menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Al-Mashoor Lelaki Pulau Pinang, kemudian meneruskan pengajian di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Kubang Pasu (SBPIKP) Kedah dalam aliran Sains Tulen Agama.

Seterusnya memulakan pendidikan tahap pengajian tinggi di Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) Pulau Pinang dalam jurusan Diploma Tahfiz Al-Quran aliran syariah. Sebelum sempat menamatkan pengajian di KITAB, pengajian diteruskan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Negeri Sembilan dalam jurusan Tamhidi Syari’ah Dan Undang-Undang. Pengajian di USIM juga terhenti setelah bertukar ke Universiti Al-Azhar Mesir dalam jurusan Ijazah Sarjana Muda Perubatan.

Mempelajari asas ilmu perawatan komplementari daripada beberapa orang herbalis HPA seperti Tuan Haji Ismail Bin Haji Ahmad, Ustaz Abdul Hadi Bin Mad Isa dan Ustaz Sabri Bin Ahmad. Antara karya dalam bidang perawatan ialah kertas kerja Asas Bekam dan juga kertas kerja Asas-Asas Ilmu Perubatan yang merupakan cetusan awal bagi penghasilan buku Risalah Ilmu Perubatan.

PANDUAN PEMBACA

Sebagai panduan bagi para pembaca, pengkaji dan peminat ilmu, ketahuilah bahawasanya penulisan saya dalam mana-mana bidang terbahagi kepada tiga peringkat iaitu;

1. Risalah
2. Maqalah
3. Takmilah

Risalah merupakan peringkat yang paling asas. Maqalah ialah peringkat yang sederhana. Peringkat Takmilah pula merupakan peringkat yang tinggi, ia melibatkan perbincangan yang mendalam tentang sesuatu bidang. Contohnya ialah;

1. Risalah Ilmu Perubatan
2. Maqalah Ilmu Perubatan
3. Takmilah Ilmu Perubatan

Jadi buku Risalah Ilmu Perubatan ini merupakan buku yang sangat asas dalam bidang perubatan. Ia hanya memberi kefahaman umum mengenai perubatan, tidak cukup untuk menjadikan pembacanya sebagai seorang doktor atau perawat.

HASRAT PENULIS

Penulis berhasrat untuk menulis beberapa penulisan dalam tajuk-tajuk berikut;


1. Perubatan Moden.
2. Perubatan Ibnu Sina (Yunani-Arab).
3. Perubatan Tradisional Melayu.
4. Perubatan Tradisional Cina.
5. Perubatan Ayurveda.
6. Ilmu Sorof.
7. Ilmu Nahu.
8. Ilmu Balaghah.
9. Ilmu Mantiq.
10. Ilmu Maqulat.

Doakan agar saya dikurniakan ruang dan masa untuk menulis tentang tajuk-tajuk tersebut, insyaAllah. Sebarang maklumat lanjut dan perkembangan semasa boleh dirujuk di laman Teratak Intelek.

teratakintelek.blogspot.com

Sekian, terima kasih.

RISALAH ILMU PERUBATAN



" Saya persembahkan risalah ini buat mereka yang mempelajari ilmu perubatan dengan penuh minat serta sentiasa berfikir dalam usaha memantapkan ilmu mereka, bukan mereka yang hanya menghafal buta untuk peperiksaan, pantang dikritik, menolak pembaharuan yang bersifat membaikpulih ataupun tidak berani mencuba sesuatu yang baru untuk mendapatkan yang terbaik. Semoga ia menjadi titik permulaan bagi penilaian dan pengkajian semula terhadap apa yang sedia ada, seterusnya dapat menghasilkan sesuatu yang terbaik tanpa mengabaikan aspek rohani dalam perawatan, bahkan menjadikan kesihatan rohani sebagai keutamaan yang paling tinggi. "

- MUQADDIMAH



Layari : teratakintelek.blogspot.com